# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 17 | RABU 23HB APRIL, 1980. | رابو 7 جمادي الاخير 1400 | PERCHUMA


## PERAMBAHAN "JALAN SELALU" JANGAN DI-AMALKAN — Awg. Haji Yahya



AWANG Haji Yahya ketika beruchap merasmikan Kursus Pegawai2 Masjid pada hari Isnin lalu.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemangku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim mengingatkan pegawai2 masjid supaya perambahan "jalan selalu" atau "macham biasa" jangan terlalu di-amalkan dalam menyampaikan pelajaran2 ugama kapada orang ramai.

Kerana kata-nya, perambahan saperti itu boleh di-amalkan dan di-lakukan kapada perkara2 yang lain tetapi dalam pelajaran saperti Al-Kor'an, bachaan sembahyang kita mesti-lah berhati-hati, kerana kita manus'a yang banyak membuat kesalahan, banyak lupa dan was-was dalam satu2 perkara.

Maka oleh kerana sifat demikian, tambah Awang Haji Yahya, terjadi-lah perubahan2 dalam sebutan membacha Al-Kor'an dan sa-umpama-nya yang juga menyebabkan erti-nya berlainan daripada yang asal.

Beruchap sa-belum merasmikan pembukaan Kursus Pegawai2 Masjid yang telah di-adakan di-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Sultan di-sini pada hari Isnin lalu, Awg Haji Yahya sa-terus-nya mengingatkan bahawa kerja2 pegawai2 masjid saperti imam dan bilal ada-lah terlalu berat di-mana kesalahan yang di-lakukan oleh imam dalam sembahyang menyebabkan ma'amum-nya salah dan semua kesalahan ini akan di-tanggong sendiri oleh mereka.

Maka untok itu, kata Awang Haji Yahya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama telah mengadakan kursus ini semata-mata bertujuan untok mengulangkaji pengetahuan pegawai2 masjid terutama dalam bachaan sembahyang saperti surah Al-Fatihah, surah2 lazim, rukun dan lain2 lagi.

Di-samping itu juga, jelas-nya lagi, kursus itu juga bertujuan untok melateh imam2 dan bilal2 lebeh menumpukan perhatian mereka kapada hal ehwal yang mereka kerjakan sa-hari2 supaya dengan demikian mereka lebeh banyak tahu dan faham akan masaalah2 yang mereka hadapi.

"Ada-lah tidak menjadi perkara yang di-segankan kerana tujuan kita ada-lah

Lihat muka 16

### Manis-nya Iman

**HUZAIFAH menceritakan yang beliau pernah mengadu kapada Rasulullah akan hal kelanchangan lidah-nya menguchapkan perkara2 keji. Baginda pun bersabda kapada-nya: "Di-mana-kah pula *istighfar* yang sa-patut-nya engkau uchapkan? Sesungguh-nya saya sendiri menguchap *istighfar* (memohon keampuan) kapada Allah sa-ratus kali sa-hari" — HADITH Nabi riwayat Ibnu Majah.**

## Negara memerlukan raayat terpelajar dan berdisiplin

KUALA BELAIT—Dalam proses perkembangan negeri Brunei dewasa ini, negara kita sangat2 memerlukan raayat yang terpelajar, berdisiplin, bertatasusila dan mempunyai peribadi yang baik.

Bagi melengkapkan diri sa-bagai sa-orang pelajar yang berdisiplin dan bertanggong-jawab itu, pelajar2 harus-lah menghindarkan diri dari anasir2 yang jahat yang mungkin memporak-perandakan kesejahteraan masa depan hidup mereka.

Demikian telah di-tekankan oleh Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Peraduan Membacha Al-Kor'an dan Sharahan sekolah2 bagi Daerah Brunei-Muara yang telah di-adakan di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Rashidah di-sini pada pagi Sabtu 12hb April yang lalu.

"Sifat angkoh dan sombong serta tidak menghormati guru, merosakkan harta benda kerajaan dengan sa-wenang2-nya, menchuri dan merosakkan harta orang perseorangan dan lain2 lagi chorak jenayah ada-lah perbuatan yang tidak bertanggong-jawab dan di-kecham oleh masharakat", kata Dato Haji Ahmad.

Sifat sa-umpama ini, jelas beliau, tidak sa-harus-nya ada di-hati penuntut2 dan ini mungkin terjadi disebabkan satu faktor yang mendorong mereka melakukan perbuatan jahat itu ialah kerana mudah di-pengarohi dan kurang-nya pegangan iman kapada ajaran2 Ugama Islam.

Oleh itu, beliau telah menyeru penuntut2 supaya akan menghindarkan dari mempunyai fikiran2 yang tidak rasional dan sehat sebalik-nya, mereka harus-lah berazam melengkapkan diri bagi menuju ka-matalamat

Lihat muka 16

### Menjual ikan yang di-tangkap dgn letupan satu kesalahan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai di-beri amaran supaya jangan membeli ikan2 yang di-tangkap dengan menggunakan letupan.

Amaran ini di-buat oleh Pengarah Perikanan berikutan dengan terdapat-nya bokti2 perchubaan untok mengimpot ikan2 yang di-tangkap dengan chara itu.

Menurut beliau, ikan2 yang di-tangkap dengan menggunakan letupan itu ada-lah mengandongi rachun dan membahayakan kesihatan jika di-makan.

Oleh sebab itu, beliau mengingatkan penjual2 ikan dan orang ramai bahawa ada-lah menjadi satu kesalahan di-bawah Undang2 Perikanan 1973 untok mengimpot atau memileki ikan2 yang di-tangkap dengan chara itu.

Mereka yang di-dapati bersalah boleh di-hukum denda sa-banyak $1,000 atau sa-tahun penjara atau pun kedua2-nya.

## Pergerakan Pengakap sesuai untok memupok kesedaran berugama

GADONG. — Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, Ketua Pegawai Penerangan perchaya pergerakan pengakap boleh dan sesuai untok dijadikan saloran memupok kesedaran dan tanggong-jawab berugama di-kalangan ahli2-nya yang menganut sa-barang ugama.

Kata-nya, undang2, sumpah serta polisi pergerakan itu menyediakan bukan saja untok maksud tersebut bahkan juga sa-macham pengiktirafan tentang peri mustahak-nya mana2 ahli untok mengamal serta mengikuti ajaran ugama masing2 dengan menaroh rasa hormat terhadap amalan ugama rakan2 mereka yang lain.

Awang Haji Badaruddin yang menyatakan keyakinan demikian ketika beruchap membuka rasmi perkhemahan pengakap Daerah Brunei dan Muara di-sini pagi Sabtu yang lalu menambah bahawa untok menchapai sikap tersebut ahli2 perlu-lah mendedahkan amalan mereka pada sa-tiap masa yang munasabah.

"Saperti waktu perkhemahan sa-umpama ini dan mendorongkan mereka memahami mana2 bahagian dari undang2 sumpah serta polisi pergerakan yang telah di-tetapkan", jelas beliau.

Untok pendorongan itu, ujar beliau lagi, ia-nya tidak-lah sa-berat mana malah langkah perlaksanaan-nya telah pun di-ambil umpama-nya saperti apa yang di-tekankan dalam tujuan perkhemahan itu 'MEMBISAIKAN KEPERIBADIAN DALAM BERPENGAKAP UNTOK NEGARA'.

Beliau berkata, "kebisaian peribadi" dan "untok negara" sudah menchukopi untok tidak terlepas dari kirabichara, peratoran dan tuntutan2 ugama terutama Ugama Islam yang menjadi Ugama Rasmi Negara.

Beliau bertambah yakin yang tujuan perkhemahan demikian akan menyediakan para ahli-nya untok bersedia menerima asohan budi-pekerti yang mulia dan mempunyai personaliti yang tegoh.

Lihat muka 16



AWANG Haji Badaruddin beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Perkhemahan Pengakap pada hari Sabtu lalu.

Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

23HB APRIL, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## MENCHABAR PIMPINAN KA-ARAH YANG LEBEH BERKESAN

KURSUS Sivik bagi Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang telah pun berakhir, dan sa-tentu-nya oleh2 dari perjalanan kursus itu para peserta telah mendapat pemahaman serta buah fikiran yang bernas yang di-kutip dari perchakapan, cheramah, ramah-tamah serta uchapan pembukaan dan penutop rasmi. Dan sa-elok2-nya oleh2 itu akan menjadi sandaran serta bahan yang berkebajikan bagi semua usaha ka-atas pimpinan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang terhadap anak2 buah masing2.

Sa-bagai orang yang di-berikan amanah dan keperchayaan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan di-sambut pula dengan rasa galat dari anak2 buah, maka semua pengalaman dari kursus itu kita perchaya betapa sikap dan tindakan mereka sa-bagai orang yang memegang teraju bagi kampong masing2, kewibawaan mereka akan terus bertambah dinamik dan berkesan lagi ka-arah pimpinan mereka yang menchabar di-samping menguatkan lagi keperchayaan dan keyakinan anak2 kampong terhadap apa jua usaha pembangunan dan kemajuan yang di-selanggarakan oleh Kerajaan masa ini dan akan datang.

Aspek pimpinan, peranan dan tanggong-jawab mereka sa-bagai orang yang di-galati, di-perchayai dan bersifat pelurus-luruskan itu ada-lah merupakan sekop penekanan semua perchakapan yang di-luahkan sa-panjang berkursus itu. Ini memerlukan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang untok sentiasa bersedia dengan sikap yang bijaksana serta fahaman yang betul terhadap menghuraikan sa-barang masaalah dan keadaan anak buah yang timbul agar perlaksanaan yang bijaksana dapat di-wujudkan dengan jaya-nya.

Pimpinan yang berkesan yang di-harapkan serta pengalaman yang sentiasa di-halusi menerusi oleh2 dari kursus itu, kita yakin golongan yang di-tuakan itu akan dapat mempertahankan imej dan status kegalatan dan keperchayaan yang sedia di-pikulkan di-bahu mereka dengan sempurna, penoh jujor dan dedikasi.

Kerajaan saperti yang kita sama2 maklom terus-menerus mengiatkan dan melaksanakan berbagai projek pembangunan dan kemajuan kampong dengan beberapa peratoran dan undang2 bagi menjamin keutohan, keharmonian dan kemajuan kampong itu sendiri dan negara seluroh-nya. Ini termasok-lah projek2 yang memerlukan berbilion ringgit bagi Ranchangan Kemajuan Negara Lima Tahun sa-hingga 1983 yang antara-nya pembenaan jalanraya2 dan jambatan2 yang mana nekmat dari pembangunan sa-rupa itu akan turut di-rasakan oleh anak2 kampong.

Demikian itu sikap tidak galat dan tidak hormat serta suka menimbulkan perkara2 yang boleh menjejaskan keharmonian oleh sa-bilangan kechil raayat negeri ini di-kampong2 perlu-lah di-hindarkan. Penghindarkan sikap ini berkehendakkan penyertaan semua pehak lebeh2 lagi tindakan yang di-bijaksana dari Penghulu, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang sangat di-alu2kan kerana pada perkara dan saat demikian-lah peranan dan pimpinan yang berkesan dari mereka perlu di-perlihatkan andai-nya keharmonian dan kebajikan anak kampong tidak ingin terjejas.

Mudah-mudahan pimpinan serta pemadulian yang tidak putus2 dari Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang itu akan dapat melahirkan anak kampong yang berguna pada mempertahan dan mendaulatkan maruah negeri kita ini, dan kegalatan serta keperchayaan yang di-tunjokkan itu akan terus mempertahan pimpinan mereka yang sentiasa berkesan.

# PADA HEMAT SAYA....

## Sayang-nya

# BUKAN DARI JENIS MANUSIA....

CHAKAP-CHAKAP bahawa *"orang tidak suka melihat orang lain senang"* kedengaran-nya saperti sungutan saja. Tapi, apabila ia benar2 di-uchapkan oleh orang yang mengalami *kesenangan-nya* tidak *di-senangi* maka chakap-chakap begitu sekurang2-nya mengakui bahawa begitu-lah 'hal-nya' dunia.

Lalu, sa-seorang yang mengalami sa-demikian itu dengan mudah pula mengatakan: *"Peduli apa! Memang jarang ada orang yang suka melihat kita senang!"*

Erti-nya: pada keyakinan-nya, sudah menjadi *'lumrah dunia'* bahawa jarang ada orang suka melihat orang lain senang. Dan dengan demikian orang itu mudah pula bersikap *'peduli apa'*.

### LURUS

Kalau ia dalam makna: *'peduli apa'* orang asalkan kita benar2 *'lurus'* maka sikap begitu memang ada munasabah-nya. Tapi pernah terjadi pula sikap *'peduli apa'* itu di-tonjolkan bagi menutop sa-suatu yang *'tidak kena'* atau *'tidak betul'*. Maka pada perengkat itu-lah ia tidak munasabah. Dan sa-balek-nya munasabah pula-lah kalau ada orang yang tidak menyenangi-nya.

Soal-nya: kalau pun memang sudah menjadi *'lumrah dunia'* bahawa jarang ada orang suka melihat orang lain senang tapi tentu juga ada alasan-nya. Mungkin kerana sebab2 peribadi dan mungkin pula tidak. Sa-bahagian alasan itu ada yang berhak mendapat simpati. Tapi, yang tidak patut sama sekali mendapat simpati ia-lah alasan kerana dengki.

*Dan itu-lah yang banyak 'menjadi hal'!*

### TAK APA

Begitu pun, ada orang sampai gundah gulana apabila *'kesenangan'*-nya *'tidak di-senangi'* orang. Kalau pun dia bersikap *'peduli apa'* tapi belum tentu dia menerima keadaan itu dengan sikap *'tak apa'*. Lalu ada yang sampai hilang sabar-nya.

Dalam hilang sabar itu mudah pula ada yang melupakan betapa dia sa-patut-nya bijaksana bahawa *bangkit-bangun-nya* bukan kerana *di-sanjong puji* dan *rebah-rempeh-nya* bukan kerana *di-chela-dengki*.

Erti-nya: kalau dia tahu orang tidak menyenangi-nya atas alasan dengki sa-mata2 dengki sa-patut-nya dia tidak gundah gulana. Allah sudah mengorniakan-nya nekmat kesenangan maka dia chuma perlu tahu mengingat dan menshukori-nya.

Dari sebok2 lain kerana *di-dengki orang* elok-lah hati dan lidah-nya sebok mengingat dan menshukori Allah. Pada perengkat ini dia di-jangkakan memang *lurus* dalam kesenangan-nya, dan munasabah pula dia bersikap *peduli apa* dalam makna *tak apa*.

### CHONTOH KLASIK

Mungkin hal ini perlu di-berikan chontoh-nya. Begitu-lah. Tapi, dalam memileh chontoh mana yang dapat di-ketengahkan saya lebeh senang mengambil-nya dari chontoh2 klasik. Maalom saja-lah . . .

ADA SA-ORANG hamba Allah di-zaman dahulu telah mewarithi kesenangan dan kebahagiaan yang melimpah-ruah. Sikap-nya terhadap kesenangan itu dapat di-kesan dari uchapan-nya: *"Ilahi! Semua-nya ini kornia pemberian Mu kapada hamba2 Mu di-'penjara' dunia ini. Betapa pula-kah limpah kornia Mu di-shurga bagi hamba yang mendapat penghormatan Mu di-akhirat?"*

Dengan sikap-nya itu terbetek-lah di-hati *sa-orang* lain: *"Wah! Betapa bahagia-nya dia. Dunia dan akhirat menjadi kesenangan-nya . . ."* Tidak sa-takat itu, *orang lain* itu pun menaroh dengki. Mau-nya, biar-lah salah satu dari kesenangan hamba Allah itu tadi di-binasakan atau kalau boleh kedua2-nya sekali.

Hal itu segera di-bisekkan-nya kapada rakan2-nya. Di-pinta-nya mereka membantu-nya, lalu mereka pun merosakkan harta benda kesenangan hamba Allah itu sa-hingga musnah semua-nya. Kemudian dia pun pergi menemui hamba Allah yang kemusnahan harta itu. Di-dapati-nya dia sedang bersembahyang.

"Ada-kah engkau maseh menyembah Tuhan mu pada hal Tuhan mu itu telah menurunkan api dari langit membakar hangus sa-hingga semua harta mu menjadi abu?" kata-nya dengan tidak menunggu orang itu selesai sembahyang.

Apabila selesai sembahyang baru-lah hamba Allah itu berkata: *"Alhamdulillah shukor kapada Allah yang telah memberikan semua itu kapada ku dan Dia juga telah mengambil-nya daripada ku!"*

Dia kemudian berdiri dan memulakan lagi sembahyang-nya.

Ah! Alangkah hampa-nya *orang* yang dengki itu. Ternyata ranchangan-nya tidak berkesan. Begitu pun dia tidak habis ikhtiar. Hamba Allah itu punya ramai anak. Tentu dia kasehkan anak2-nya itu.

Dalam satu kesempatan, kebetulan kesemua anak orang itu berkumpul makan2 di-salah sa-buah rumah kepunyaan sa-orang dari mereka. Apa lagi, dengan bantuan rakan2-nya, *orang* itu pun merobohkan rumah tersebut sa-hingga kesemua mereka tertimbus mati. Selesai saja, maka dia pun pergi lagi menemui hamba Allah itu, dan sekali lagi di-dapati-nya dia sedang bersembahyang. Dia tidak perlu menunggu-nya selesai untok memberitahu kemalangan yang menimpa anak2-nya itu.

"Maseh juga-kah engkau menyembah Tuhan mu pada hal Tuhan mu itu telah menimpakan rempehan rumah sa-hingga kesemua anak2 mu mati tertimbus?"

Hamba Allah itu tidak menjawab. Dia meneruskan sembahyang-nya hingga selesai. Dan sa-telah selesai dia berkata mengulangi uchapan-nya mensh[...] kori Allah kerana tel[...] memberi-nya anak2 itu da[...] kerana telah mengambil k[...] semua mereka.

Dia chuma menamba[...] *"Ada pun harta dan ana[...] pinak ada-lah chubaan k[...] atas ibu bapa. Allah men[...] ambil mereka kesemua-n[...] supaya saya terus sena[...] beribadat kapada-Nya!"*

Ya! Alangkah kata2 it[...] menghampakan hajat *oran[...]* yang tidak senang meli[...] kesenangan hamba All[...] yang *lurus* dalam kesenan[...] an-nya itu. Kehampaan-n[...] itu lebeh berat lagi seb[...] hati-nya menaroh dengki.

### SAYANG-NYA

Begitu-lah chontoh klas[...] betapa sa-orang ham[...] Allah yang *lurus* dalam k[...] senangan-nya, sekali p[...] ada orang tidak menyenan[...] kesenangan-nya dia tida[...] lah sampai gundah gula[...]

Hamba Allah tersebut s[...] benar-nya ia-lah Na[...] Ayub (*'alaihis salam*).

Dan mungkin tidak d[...] luar dugaan siapa2 baha[...] orang yang tidak sena[...] melihat kesenangan Na[...] Ayub sa-hingga menyeba[...] kan kemusnahan harta d[...] kematian anak2-nya ia-l[...] IBLIS (*'alaihil la'anat*)!

Kesah-nya tidak-lah h[...] bis di-situ. Tapi sa-ta[...] dua *episod* tadi sudah m[...] madai untok menchonto[...] kan betapa orang ya[...] *lurus* dalam kesenang[...] nya tidak akan gundah g[...] lana apabila ada orang [...] dak menyenangi-nya a[...] alasan dengki sa-mat[...] dengki.

Sayang-nya, ya — saya[...] sekali dalam kedua2 epis[...] tadi chontoh klasik ora[...] yang tidak senang meli[...] orang lain senang ia-l[...] makhlok Allah dari je[...] iblis, dan bukan dari je[...] manusia . . . —*Ketua Pegawai Penerangan.*

**" . . . . . betapa dia sa-patut-nya bijaksana bahawa bangkit-bangun-nya bukan kerana di-sanjong puji, dan rebah-rempeh-nya bukan kerana di-chela-dengki."**

# $2 B FOR DEVELOPMENT PLAN



BANDAR SERI BEGAWAN. — The government has allocated nearly two billion dollars for the State's Fourth Five-Year Development Plan, which will be carried out until 1983.

Like the previous development programmes, the present one is to continue the goverment policy to introduce the real basic facilities needed for various development schemes.

It was disclosed last week by the Acting Directer of Establishment, the Honourable Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman. (See the picture on the left).

Addressing the Penghulus, Village and Long-House Chiefs during the civic course held at the Youth Centre here, Dato Zakaria said, among the continued projects to be carried out under the programme are the construction of roads and bridges to facilitate communications.

It also includes the setting up of several new goverment buildings and a number of other projects which are urgently needed.

Whether the projects can be completed within the development plan's period or not, Dato Zakaria is however doubtful because at present, he said, the state is facing acute shortage of local experienced and skilled workers.

He said, at the moment, only 200 key posts in the government service are being held by the citizens and the number is still inadequate to run the government efficiently.

Dato Zakaria also clarified, the progress and the completion of any planned projects or programmes cannot be achieved within a short period, because they need more resources and labourers.

Regarding the finance, Dato Zakaria assured that financial problem does not exist in the state. The difficulties in achieving various development schemes are lacking in local experienced and skilled workers.

Relating to the finance, Dato Zakaria said, Brunei at the moment is prosperous and stable in situation with its rich oil and gas productions.

However, he reminded that the oil and gas productions may be diminishing by the year 1990, only ten years from now.

"And in view of this trend, the government is now planning several other enterprises and projects to replace gas and oil in future", he said.

For this reason, Dato Zakaria urged the Penghulus, Village and Long-House Ketuas to contribute their wholehearted co-operation and loyalty and to support the government in the implementation of its plans especially in these forthcoming challenging years towards the independence in 1983.

The co-operation, he said, is very important because without solidarity between the people and the government, any projects or efforts will not bring about any achievements.

The Honourable Dato Zakaria also advised the Penghulus, Village and Long-House Ketuas to make use of the civic course to exchange their opinions especially the matters related to problems faced by the villagers.

"Exchanging opinions has been a practice and is believed to be able to obtain some useful knowledge. The government has sent a number of officers abroad with the aim of giving them chances to exchange opinions with officers in other countries," he concluded.

## Boom year for Muara Port

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Muara Port is getting busier nowadays. Last year, it had another boom year.

Awang Anthony Chin, the Controller of Ports, in a statement says that 105,600 tons of cargo was imported during the last quarter of 1979 compared with 97,000 tons for the same period in 1978.

This represents an increase of 8.9%.

And for the whole year of 1979, the tonnage of imports was 406,000 tons compared with 379,000 for the whole of 1978.

This is equivalent to approximately 7.1% increase.

Meanwhile, the total number of ships calling at Muara Port with cargoes was 507 in 1979 compared with 489 in 1978 an increase of 3.7%.

The number of ships calling at Muara averages out at about 10 ships every week.

## Post Master General visits villages

BANDAR SERI BEGAWAN. — The postal services at Kampong Limau Manis and Wasan in the Brunei-Muara District will be improved in the near future.

And, a postal agent will be set up at either one of the two villages very soon.

This was disclosed after Post Master General, Pengiran Jeluddin bin Pengiran Limbang visited these two villages last Friday morning.

During the visits, he met the residents and discussed with them the ways of improving the deliveries of letters between the General Post Office here and their villages.

## Rural roads being improved

BANDAR SERI BEGAWAN. — Road conditions in rural areas in the Brunei-Muara District are being improved.

A Brunei-Muara District Office spokesman last week said that his office has allocated $1.2 million for this huge project.

The roads which are under repairs include those in Kampongs Tanjong Bunut, Tanjong Nangka, Jangsak, Mulaut, Lumapas, Putat and Masin.

They cover a total distance of 10 miles.

In Kampong Limau Manis, a new road is being constructed too. It is about 1½ miles long.

The department will also maintain bridges in Kampong Ayer.

Meanwhile, nearly 300 street lamps will be installed at secondary roads in various areas in the district.

## Sarawakians visit Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. —About 100 members of the Sarawak Saberkas Association paid a good-will visit to Brunei. They arrived here on Saturday.

They were led by the Assistant Minister of Culture, Welfare and Youths, Abang Haji Ahmad Urai.

The group was the guests of the State Youth Council. They visited places of interest and held several friendly matches with local teams.

Meanwhile, a group of 30 members of the Arts Club of the SOAS College Senior afternoon session made an educational tour to Labuan on Thursday.

During their three-day visit there, they became guests of the residents of Kampong Lubok Temiang.

They also participated in a clean-up campaign at the cemetery area of the village.

## Major Sahari attends course

BERAKAS. — Major Mohammad Sahari bin Hj Ali, an officer of the Royal Brunei Malay Regiment's First Flotilla is now in England attending a military course.

Major Mohammad Sahari who is an operation officer with the Flotilla, left the state last week. He will undergo the twelve-month course at the Royal Navy Staff College in Freenwich, Southeast London.

In Seria, on Thursday, another eight members of the regiment ended a four-day familiarisation Course at the Brunei Shell Petroleum Company.

The course which was the third of its kind for members of the regiment, was held in the company's Trade Relations Centre.

Meanwhile, twenty-seven men from various units of the regiment completed a five-day basic course on 'Fardu Ain' and 'Fardu Kifayah' on Friday.

The course which was held at the Madarsah of the regiment's first battalion here was opened on 14 April by the battalion's commanding officer, the Honourable Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lieutenant Colonel Dato Mohammad bin Haji Daud.

It is reported that the course, the first of its kind organised by the Royal Brunei Malay Regiment is scheduled to be held three times a year.

## Telesokan '80

BANDAR SERI BEGAWAN. — Television service of Radio Television Brunei is embarking upon an exciting and challenging series of programmes called "TELESOKAN '80".

Based on European programmes like the BBC's "It's a Knockout" and the Germany's "Telematch" which is being telecast at the moment, TELESOKAN is a funfilled, action-packed competition among the four Districts of Brunei.

Teams of men and women will pit their skills and strength against each other bedecked in colourful costumes and on cunningly devised games.

Part of the semi-finals and final will involve teams getting wet at the Anggerek Desa swimming pool.

The person with the task of making all this work is TV producer, June Tan.

Meanwhile, the production and engineering crew are co-ordinating the efforts of all Departments involved.

"Telesokan" is a joint venture among the Departments of the Sports Council, Welfare, Youth and Sports and RTB.

In line with Government and RTB policy, "Telesokan" is to be a sponsored programme.

Local companies are being given the opportunity to jointly sponsor the programmes, displaying their advertisements around the fields where the games are taking place.

With considerable help from the District Officers, two teams from each District will compete in the initial games for a place in the semi-final.

These four programmes will be made in Kuala Belait, Tutong, Bandar Seri Begawan, and Temburong. and the quarter-final will be taking place in Bandar Seri Begawan.

The success of this type of programme depends very much upon a team-cheering audience and members of the public are invited to attend and cheer their team on.

The dates when each programme will be recorded and subsequently telecast are published on page 8.

## RBMR holds boxing tourney

BERAKAS.— The Royal Brunei Malay Regiment's First Battalion held its boxing tournament at its gymnasium in the Berakas Camp on Thursday night.

14 boxers representing 5 units participated in the 7—event tournament.

The Command Company emerged as the overall champion.

Hundreds of fans predominantly members of the regiment including its senior officials watched the matches.

Prizes were presented by the Commanding Officer of the Batallion, the Hon'ble Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt Col Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud who himself was also one of the judges.

The winners will represent the batallion at the three-day regimental boxing tourney to be held on 5 May at the same venue.

## RBA donates tickets to a family

BANDAR SERI BEGAWAN. — A helpless housewife, Madam Chan Yuk Lin whose husband was left permanently disabled by an industrial accident three years ago was given aid enabling her and her four children to return to her homeland, Hongkong.

The Royal Brunei generously donated her with five air tickets.

The RBA's General Manager, Mr Alan Douglas, gave away the tickets to her at his office here last week.

Besides the air tickets, she also received more than $15,000.00 from the Belait Chinese Chamber of Commerce.

The Chinese Chamber of Commerce here has also donated $6,300.00 to her.

Madam Chan has been extremely grateful to all those who have made the magnanimous donations with deep concern to her.

## Don't buy exploded fish

BANDAR SERI BEGAWAN. — Members of public are warned against buying fish caught by means of explosives.

The Fisheries Department last week said that its officials have lately gathered evidence showing bids to import exploded fish.

The fish caught by this method are poisonous, they are injurious to our health.

Hence, to import or to possess fish caught with explosives is an offence.

The offender is liable to a maximum fine of $1,000.00 or one-year jail or both.

# SEMBAHYANG BERGONDOL

## Siri ke-29

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, M...

BERKATA Al-Allamah Ash-Sheikh Zahid Al-Kauthari (Rahimahullahu Ta'ala) dalam Maqalat Al-Kauthari: *"Banyak orang sekarang bertanya akan hukum sembahyang dengan bergondol kepala tanpa sebarang uzor"*, Sekarang telah timbol satu puak manusia yang suka membantah akan perkara yang terang nyata dalam ugama dan suka menyebarkan perkara mungkar (yang berlawanan dengan ugama Islam) dan membawa orang2 Islam menentang perkara2 yang telah di-warithi oleh umat Islam dari salaf kapada khalaf (dari dahulu hingga sekarang).

Saya akan menyentoh perkara ini dengan taufik Allah.

### BERLAWANAN DENGAN TRADISI

Orang bersembahyang dengan bergondol kepala tanpa sebarang uzor itu ada-lah sah, sa-kira-nya sembahyang itu chukop sempurna mengikut segala sharat dan rukun-nya. Akan tetapi mengerjakan sembahyang saperti itu berlawanan dengan perjalanan dan amalan yang di-warithi oleh umat Islam di-mana2 jua di-bumi Allah ini dari dahulu hingga sekarang.

Sembahyang bergondol itu ada-lah mengikut jejak laku Ahlul-Kitab, kerana mereka bersembahyang dengan bergondol kepala. Sa-lain itu sembahyang dengan bergondol itu juga bererti menolak perhiasan, sedang umat Islam di-galakkan berhias baik samasa berada dalam masjid mahu pun ketika bersembahyang.

### DALIL2-NYA

Di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi dalam As-Sunanul-Kobra dari Anas bin Iyadh dari Musa bin Uqbah dari Nafi' dari sahabat Abdullah bin Umar bahawa Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah bersabda:

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَلْبَسْ ثَوْبَيْهِ فَإِنَّ اللهَ عَزَّوَجَلَّ أَحَقُّ مَنْ تُزَيَّنَ لَهُ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ ثَوْبَانِ فَلْيَأْتَزِرْ، إِذَا صَلَّى وَلَا يَشْتَمِلْ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ اشْتِمَالَ الْيَهُودِ

Erti-nya: *Apabila sa-orang di-antara kamu bersembahyang, maka hendak-lah ia memakai dua baju-nya, kerana sa-orang itu lebeh berhak berhias untok Allah Subhanahu Wata'ala. Kira-nya tiada di-perolehi-nya dua baju itu maka hendak-lah ia memakai kain sarong ketika bersembahyang. Jangan-lah pula sa-seorang itu saperti berselubong dalam sembahyang-nya sabagaimana berselubong orang Yahudi dengan melabohkan kaki kain-nya ka-atas lantai.*

### DI-UTAMAKAN BERHIAS KAPADA ALLAH

Juga di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi dari Al-Abbas Ad-Dauri dengan sanad-nya kapada Nafi', kata-nya: Saya telah di-perhatikan oleh sahabat Ibnu Umar, ketika saya hendak bersembahyang dengan hanya memakai sa-helai baju (kain). Lalu berkata Ibnu Umar kapada saya: *"Tidak-kah saya telah beri pakaian?"*. Saya menjawab: *"Bahkan (ya)"*. Kata-nya lagi: *"Jikalau saya hantarkan kamu (jadikan kamu utusan) ada-kah kamu pergi dengan sa-helai itu"*. Saya menjawab: *"Tidak"*. Kata-nya pula: *"Ada-lah lebeh utama kamu berhias kerana Allah Subhanahu Wata'ala"*.

Juga di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Baihaqi dari Yussof bin Ya'akob Al-Kadhi dengan sanad-nya kapada Ayyub daripada Nafi' yang berkata: *"Pada suatu hari ketika saya memberi rumput untok makanan binatang tunggangan, tiba2 sahabat Ibnu Umar datang kapada saya, sedang saya sembahyang dengan kain sa-helai sapinggang."* Lalu ia bertanya kapada saya: *"Tidak-kah aku memberi dua helai pakaian kapada kamu?"* Saya menjawab: *"Bahkan (ya)"*. Kata-nya lagi: *"Apa pendapat-mu kalau saya jadikan kamu utusan kapada sa-seorang daripada pendudok Al-Medinah Al-Munawwarah, ada-kah kamu akan pergi dengan kain sa-helai sa-pinggang?"*. Saya mengatakan: *"Tidak"*. Kata-nya: *"Ada-kah kapada manusia lebeh utama kamu bersolek dan berhias atau-kah kapada Allah?"*.

Ini-lah dia dalil2 ulama feqah yang mengatakan bahawa makroh bersembahyang dengan keadaan pakaian yang tiada sempurna termasok-lah bergondol kepala, kerana telah teradat dan menjadi kebiasaan orang2 Islam dari salaf kapada khalaf menutop kepala atau berkopiah ketika bersembahyang dan ketika hendak berjumpa orang2 yang di-hormati.

Berkata Al-Imam Al-Mawardi: erti mengambil perhiasan (أَخْذُ الزِّينَةِ) dari ayat Al-Kor'an:

خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ

*(Ayat ini menyuroh kita berhias ketika kita berada dalam masjid atau ketika kita bersembahyang). Menurut Al-Mawardi ia-lah berhias dengan sa-molek2 pakaian. Menurut Al-Imam Abu Hayyan pula: "Pada zahir-nya maksud perhiasan itu ia-lah sa-suatu yang sa-seorang itu bermolek2 dengan-nya. Dia berhias ketika bersembahyang. Tiada termasok dalam pengertian ini pakaian yang menutup aurat, kerana pakaian yang menutop aurat itu memang di-suroh kita memakai-nya samada pakaian itu molek atau hudoh".*

Dalil dan pendapat2 di-atas tadi sangat benar. Termasok di-dalam pengertian perhiasan ia-lah menutop kepala dengan tiada shak lagi. Ini-lah warithan Islam semenjak zaman berzaman. Tiada-lah kita melihat orang2 Islam sembahyang bersaf2 dengan keadaan mereka bergondol kepala.

Tiada-lah shak bahawa lafaz (Az-Zinah) itu mengandongi erti menutop kepala dengan tiada payah di-amati2 lagi, dari itu menutop kepala itu ada-lah di-perentahkan oleh Allah dalam ayat Al-Kor'an yang menyuroh menggunakan perhiasan ketika bersembahyang. Sa-siapa yang berpendapat bahawa ayat Al-Kor'an itu hanya di-turunkan dengan tujuan untok melarang orang Jahiliyah yang bertelanjang (tanpa memakai sebarang pakaian sa-masa melakukan tawaf di-Ka'abah) maka yang demikian pendapat itu ada-lah jauh dari kaedah Istinbath yang memberi pengertian bahawa sa-tiap lafaz meliputi segala ma'ana (bukan ma'ana-nya terhenti khusus di-atas sebab turun itu sahaja).

### SUNNAT BERSONGKOK

Oleh yang demikian, ulama mazhab2 feqah sekata mengatakan sunnat memakai songkok, baju (rida') dan kain sarong sa-masa mengerjakan sembahyang sa-bagai mana tersebut dalam kitab Al-Munyah dan Majmu' An-Nawawi dan lain2 kitab.

Al-Allamah Al-Muhaddith As Syed Muhammad bin Jaafar Al-Kattani (Rahimahullahu Ta'ala) dalam kitab-nya Ad-Di'aamah telah menyebutkan hadith2 yang menunjokkan bagaimana Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) sentiasa memakai songkok kepala dengan berserban atau tiada berserban (sila rujok kitab tersebut).

Adapun riwayat yang mengatakan Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassa-lam) menchabut songkok baginda dan di-letakkan di-hadapan baginda sa-bagai pendinding ketika baginda bersembahyang ada-lah riwayat dha'if, saperti yang tersebut dalam kitab Sharhus-Shamael dan lain2 kitab. Jadi tiada-lah dapat kita berpandu dan berpegang dengan-nya lebeh2 lagi tiada pula tersebut dalam mana2 kitab hadith yang mu'tabar (yang di-akui).

Oleh yang demikian riwayat itu tiada-lah dapat melawan akan amalan umat Islam dalam perkara menutop kepala dan ... ada-lah dapat melawan sunnah Rasulullah yang di-warithi sa-panjang masa pada menutop kepala itu dalam sembahyang. Memang pernah Syedina Umar (Radhiallahu Anhu) menegah hamba2 perempuan dari menutop kepala. Jadi barangkali orang2 yang bergondol itu hendak menjadikan diri mereka termasok dalam golongan hamba2 perempuan, atau mereka suka agak-nya hendak menyerupai hamba2 perempuan dalam sembahyang (tiada menutop kepala). Perbuatan itu sa-benar-nya bukan perbuatan lelaki.

### KIASAN TIDAK TEPAT

Mungkin pula ada orang yang mengkiaskan bergondol kepala itu dengan ibadat Haji. Akan tetapi ibadat Haji itu ia-lah ibadat yang tertentu dan terkhas pada tempat2 yang tertentu dan pada masa yang tertentu. Jadi tiada-lah dapat di-kiaskan bergondol kepala dalam sembahyang yang itu dengan ibadat Haji.

Begitu-lah hukum bergondol kepala dalam sembahyang sa-bagaimana pendapat ulama feqah Islam. Tambahan pula mendedahkan kepala dalam sembahyang itu merupakan syi'ar bol puak yang bid'ah di-zaman sekarang, maka jangan-lah di-biarkan terdedah kepala itu supaya kita tidak termasok atau menyamai golongan yang bid'ah itu.

Rengkas-nya: Bahawa tiada thabit dan tiada dalil daripada Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) yang membokti-kan bahawa baginda bersembahyang dengan bergondol kepala tanpa sa-suatu uzor. Telah kita sebut-kan juga bahawa termasok dalam adat orang2 Nasrani ia-lah mendedahkan kepala mereka dalam tiap2 keadaan untok menghormati sa-suatu.

*WALLAHU A'ALAM*




# REDHA

DI-DALAM kita menjalani hidup di-alam yang fana ini, maka sudah pasti kita akan mengalami keadaan hidup yang samada berupa kesenangan, kesejahteraan, keamanan dan berbagai-bagai lagi keadaan hidup yang penoh kenekmatan. Akan tetapi tidak mustahil pula kita akan menempoh hidup yang sa-balek-nya, ia-itu kehidupan yang pahit dan getir samada ini sa-bagai dugaan daripada Allah atau pun sudah di-takdirkan di-dalam Loh Mahfuz yang kita akan menerima kehidupan yang susah dan menderita.

Di-dalam kita menerima nasib yang berbeza keadaan-nya itu, maka kita sa-bagai makhlok Allah terutama kita orang2 yang beriman kapada Allah dan Rasul-Nya serta qadha dan qadar Allah, ada-lah di-kehendaki supaya sentiasa bersifat redha, ia-itu menerima sa-suatu keadaan ini dengan lapang hati samada yang berupa peraturan (hukum2) mahu pun qadha dan qadar.

Di-dalam hubongan sifat redha terhadap apa jua yang datang daripada Allah boleh kita bahagikan kapada dua bahagian:

(1) Redha menerima peraturan (hukum2) Allah yang di-taklifkan (di-bebankan) kapada manusia.

(2) Redha menerima ketentuan Allah mengenai nasib yang kita dapati atau perolehi.

Adapun redha menerima hukum2 dan peraturan Allah ada-lah merupakan tanda terhadap kesempurnaan iman, kemuliaan takwa dan ketaatan kapada Allah. Kerana penerimaan terhadap peraturan ini bukan di-sebabkan kerana terpaksa atau di-paksa bahkan ada-lah dengan kerelaan hati.

Sa-benar-nya sikap taslim atau menyerah serta patoh dan tundok dengan kelapangan dada, bahkan dengan perasaan gembira dan senang pada menerima segala shari'at2 yang di-tetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya, hanya-lah akan lahir bila mana wujud-nya perasaan muhibbah dan chinta kapada Allah dan Rasul-Nya pada diri sa-seorang itu. Dan itu-lah tanda bokti terhadap nilai2 iman yang tinggi lagi murni. Sa-bagaimana firman Allah di-dalam surah An-Nisa' ayat 65 yang bermaksud:

*"Maka tidak sa-kali2 dan demi Tuhan mu, mereka tidak di-pandang beriman hingga mereka menjadikan mu (Muhammad) hakim di-dalam apa jua yang mereka perselisehkan di-kalangan mereka. Kemudian mereka tidak merasa sempit di-dalam hati mereka tentang apa yang engkau putuskan serta mereka menyerah dengan sa-sunggoh-nya".*

Sa-benar-nya perintah Allah itu baik yang wajib mahu pun yang sunnat, hendak-lah di-kerjakan dengan senang hati. Demikian juga larangan dan tegahan Allah hendak-lah di-jauhi dengan dada yang lapang. Maka itu-lah yang di-katakan redha dengan hukum2 Allah.

Oleh kerana itu sifat redha ada-lah berlawanan dengan sikap orang2 munafik atau kafir yang merasa benchi dan sempit dada-nya ketika menerima hukum2 dan peraturan2 Allah.

Dengan itu bagi orang2 munafik apabila ia-nya beribadat membuat amal kebajikan atau mengerjakan ibadat sembahyang, maka pekerjaan ibadat itu di-lakukan bukan-lah dengan redha melainkan kerana terpaksa atau kerana mempunyai tujuan yang tertentu saperti redha dan menunjok-nunjok perbuatan kapada orang lain atau kerana takut dengan chemohan dan kata2 dari orang lain andai-nya ia tidak berbuat demikian. Ini jelas sa-bagaimana firman Allah di-dalam Surah An-Nisa' ayat 142 yang bermaksud:

*"Sa-sunggoh-n y a orang2 munafik itu menipu Allah. Akan tetapi Allah membalas penipuan mereka itu. Dan apabila mereka mendirikan sembahyang mereka mendirikan-nya dengan malas. Mereka menunjok-nunjokkan (amal mereka) kapada manusia dan mereka tidak pernah menyebut atau mengingat Allah melainkan sedikit".*

Demikian-lah gambaran perbandingan hati yang penoh redha dan tidak redha menerima hukum2 Allah di-mana redha itu ada-lah hasil daripada kesuchian dan ketinggian iman, dan sifat tidak redha itu pula ada-lah unsor2 dari sifat orang2 munafik. Dari itu sa-bagai hamba Allah hendak-lah menanamkan di-sanubari kita sifat redha itu supaya kita tidak terjumlah di-dalam gulongan orang munafik dan yang pandai bermuka-muka.

---

O
**Bingkisan minggu ini**

# Keadilan dan saksama di-kalangan masharakat

ALLAH telah berfirman di-dalam Surah Al-Muthafifin ayat 1—6 yang bermaksud: *"Chelaka-lah bagi orang2 yang mempermainkan ukoran apabila menyukat dari orang lain untok diri-nya di-minta penohkan. Dan apabila menyukat atau menimbang untok orang lain di-kurangkan-nya. Tidak-kah mereka menyangka bahawa mereka akan di-bangkitkan di-hari yang besar kelak? di-hari manusia berdiri menghadapi Tuhan semesta alam?"*

Salah satu asas yang kuat untok perpaduan ugama dan masharakat Islam ia-lah mengwujudkan dasar keadilan dan saksama di-kalangan masharakat Islam sendiri. Keadilan juga sa-sunggoh-nya merupakan satu asas untok memelihara perhubongan baik sa-sama manusia yang menyeluroh semua urusan samada di-antara rakyat dan pemerintah, antara majikan dan pekerja, antara penjual dan pembeli malah antara ahli di-dalam sa-sebuah keluarga.

Walaupun hakikat keadilan ini sedemikian terang, di-tegakkan oleh undang2 Allah namun demikian, maseh terdapat sa-bilangan manusia samada di-sedari-nya atau tidak, telah tidak memberikan perhatian langsong kapada dasar2 tersebut, ini boleh jadi kerana di-durong oleh rasa tamak dan haluba serta terpangaroh kapada kepentingan diri sendiri tanpa memikirkan kepentingan orang lain.

Yang lebeh tidak di-fikirkan langsong ia-lah akibat2 perbuatan yang tidak adil atau tegas-nya menganiaya terhadap sa-sama manusia itu yang kira-nya bukan sahaja mendatangkan kemurkaan s.w.t. malah juga akan melahirkan rasa tidak puas hati di-kalangan sa-sama sendiri.

Dari pandangan Ugama Islam, sa-seorang itu di-izinkan untok menuntut hak-nya dengan sa-chukop2-nya. Demikian pula sa-balek-nya, ia-itu bagi sa-seorang yang memegang hak orang lain wajib-lah pula ia menunaikan hak orang tersebut dengan memenohi segala tuntutan-nya dengan sa-chukop2-nya pula. Maka di-sini-lah letak-nya nercha keadilan, samada kita sanggup memenohi tuntutan2 orang lain sa-bagaimana kita menuntut hak kepunyaan kita untok di-penohi. Jika tidak, akan terdedah-lah kerendahan pekerti kita ka-mata umom juga ka-dalam perhitongan dosa dan pahala kita di-sisi Allah.

Manusia sa-memang-nya boleh berbuat tidak adil dan bersikap aniaya. Tetapi dapat-kah mereka menyembunyikan perbuatan yang sa-demikian itu dari penglihatan dan keadilan Allah? Manusia sa-harus-nya tidak lupa akan kehidupan abadi sa-sudah mati, dan kapada hari besar

Lihat muka 11

---

## Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 23hb April, 1980 hingga ka-hari Selasa 29hb April, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini:**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 23hb April | 12.25 | 3.40 | 6.31 | 7.43 | 4.42 | 4.56 | 6.10 |
| 24hb April | 12.25 | 3.40 | 6.31 | 7.43 | 4.42 | 4.56 | 6.10 |
| 25hb April | 12.25 | 3.40 | 6.31 | 7.43 | 4.42 | 4.56 | 6.10 |
| 26hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 27hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 28hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |
| 29hb April | 12.24 | 3.39 | 6.31 | 7.43 | 4.41 | 4.55 | 6.09 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

---

# Persatuan Pembacha2 Al-Kor'an Brunei anjorkan kelas bimbingan Muqaddam dan Al-Kor'an

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pembacha2 Al-Kor'an Brunei akan menganjorkan kelas bimbingan Muqaddam, Al-Kor'an perengkat permulaan dan menengah serta kelas khas lanjutan khusus untok bimbingan tajwed, lagu, fasahah serta menghafal beberapa surah.

Kelas2 bimbingan tersebut akan di-jalankan di-dua buah chawangan persatuan, ia-itu di-Daerah Brunei-Muara dan Daerah Belait dan untok pertama kali ia-nya akan di-jalankan di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Masna, Batu 1, Jalan Tutong pada tiap2 hari Jumaat dan Ahad mulai pagi hingga malam.

Kapada umat Islam yang terdiri dari kanak2 dan dewasa bagi kedua2 daerah berkenaan yang berminat untok mengikuti kelas bimbangan itu ada-lah di-kehendaki mendaftarkan diri dengan berhubong terus kapada:

Awang Haji Metussin bin Haji Ibrahim di-Jabatan Hal Ehwal Ugama ibu negeri; Awang Wahabi bin Metusin, Setiausaha Lembaga Kelas Bimbingan dan Pelajaran di-Ibu Pejabat Bomba, Bandar Seri Begawan dan Awang Haji Mashud bin Haji Awang Damit, Yang Dipertua di-Jabatan Pelajaran, Bandar Seri Begawan.

Persatuan itu juga dengan sukachita mempelawa anak2 yatim di-daerah2 berkenaan yang berhajat menyertai-nya boleh-lah berhubong bagi mengikuti pelajaran sa-chara perchuma.

Pendaftaran permohonan mula di-buka dari sekarang dan akan berakhir sa-hingga 30hb April ini.

# 19 orang kanak2 pendalaman sertai ranchangan "Mengenal Negeri Kamu"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 19 orang kanak-kanak pendalaman dari daerah2 negeri ini telah menyertai ranchangan "Mengenal Negeri Kamu" ia-itu termasok lapan orang dari Kuala Belait, tujoh orang dari Daerah Tutong dan empat orang dari Daerah Temburong.

Ranchangan "Mengenal Negeri Kamu" yang di-anjorkan oleh Persekutuan Pengakap Negeri Brunei dengan kerjasama Jabatan Pelajaran itu di-adakan sa-lama enam hari ia-itu dari 14hb hingga 19hb. April yang baru lalu.

Sa-panjang enam hari itu kanak-kanak tersebut telah di-bawa melawat ka-beberapa tempat2 yang menarek yang belum pernah di-datangi oleh mereka. Antara tempat2 yang di-lawati oleh mereka itu termasok-lah Radio Talivishen Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin; Muzium; Bangunan Peringatan Churchill; Pameran Sejarah Islam; Akuarium Hassanal Bolkiah dan Lapangan Terbang Antarabangsa di-Berakas.

Di-samping itu kanak2 tersebut juga di-bawa berkunjong ka-pusat2 pengajian tinggi di-negeri ini ia-itu saperti Pusat Tingkatan Enam dan Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong yang bakal melahirkan anak2 tempatan yang berilmu pengetahuan yang tinggi bagi kegunaan negara kita Brunei Darussalam. Padang Minyak Shell Seria, ia-itu satu2-nya hasil pengeluaran Negeri Brunei yang terbesar sekali juga telah sempat di-lawati oleh kanak-kanak tersebut.

Di-hari pertama lawatan mereka ia-itu pada hari Isnin 14hb. April lalu, kanak-kanak itu telah di-raikan makan tengahari oleh Pengarah Kebajikan, Belia Dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussain dan bekas Menteri Besar Brunei, Dato Marsal bin Maun serta pegawai2 kanan kerajaan.

Kanak-kanak itu telah menjadi 'anak angkat' kapada pemimpin2 pengakap negeri Brunei dan tinggal bersama pemimpin2 persatuan itu, sa-panjang ranchangan itu di-jalankan.

Sa-orang jurucha kap persatuan itu memberitahu kapada Pelita Brunei minggu ini bahawa tujuan di-adakan perkhidmatan masharakat sa-umpama itu ia-lah bagi mensesuaikan dan memperkenalkan kanak2 pendalaman ka-arah satu pendekatan berkenaan dengan kemajuan yang di-chapai oleh negeri kita Brunei Darussalam.

Beliau menambah kata, "lebeh2 lagi kanak-kanak tersebut ada-lah terdiri dari kanak-kanak kampong yang belum pernah pergi ka-bandar melihat pemandangan2 yang menarek atau kemajuan2 yang di-chapai oleh negeri ini".

Juruchakap itu sa-terusnya berkata bahawa perkhidmatan sa-umpama itu sa-bagai projek kegiatan persatuan itu di-musim chuti persekolahan.

Oleh itu ada-lah di-harapkan persatuan2 belia, Badan2 Kebajikan dan pertubohan2 sukarela di-negeri ini akan dapat mengambil satu iktibar bagi mengikuti jejak langkah Persatuan Pengakap Negeri Brunei itu untok pembangunan dan perkhidmatan masharakat yang di-kira sa-bagai satu pekerjaan yang berkebajikan.



SA-BAHAGIAN dari penuntut2 itu ketika melawat Dewan Bahasa dan Pustaka.

# Anak Brunei yang pertama lulus ijazah Ph.D.

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-orang Pegawai Pertanian, Awang Serudin bin Dato Setiawan Haji Tinggal telah lulus pengajian tinggi dengan mendapat ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Kaji Penyakit Tumbohan dari Universiti Exeter, United Kingdom. Beliau yang pulang ka-tanah ayer pada awal bulan ini, merupakan anak Brunei yang pertama mendapat kelulusan yang paling tinggi itu.

Dr. Serudin yang berusia 35 tahun telah mula mendapat pelajaran asas di-Sekolah Melayu, Kampong Sengkurong dalam tahun 1951 ketika berusia enam tahun dan meneruskan pelajaran-nya ka-Maktab SOAS sa-hingga mendudoki tingkatan lima.

Pada tahun 1966, Dr. Serudin telah di-korniakan biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untok melanjutkan pengajian-nya bagi mendapatkan 'A' level di-United Kingdom dan berjaya memasoki Plymouth Polytechnic sa-hingga lulus HND dalam Applied Biology tahun 1972.

Dari kelulusan HND, Dr. Serudin di-teruskan biasiswa-nya untok mendapatkan kelulusan Sarjana Muda Sains dalam jurusan yang sama dan lulus dalam pengajian-nya yang kemudian dari itu beliau pulang ka-tanah ayer dan bertugas di-Jabatan Pertanian pada bulan Ogos 1974 di-Bahagian Kajipenyakit Tumbohan.

Sa-telah sa-tahun berkhidmat dengan jabatan berkenaan, Dr. Serudin telah di-korniakan oleh Kerajaan untok mendapatkan ijazah Sarjana dalam bidang berkenaan menerusi ranchangan Latehan Dalam Perkhidmatan pada tahun 1975 dan berjaya mendapat kelulusan itu dalam tahun 1976.

Dari kelulusan sarjana beliau berkesempatan lagi untok memperdalam dan meninggikan pengetahuan bagi mendapatkan kelulusan Doktor Falsafah (Ph.D) di-universiti yang sama dan lulus pada bulan Mach 1980.

Dengan kelulusan itu juga Dr. Serudin telah di-iktiraf untok menjadi ahli dalam Institiut Kajihayat (MIB), dan kini beliau kembali bertugas di-Jabatan Pertanian sa-bagai pegawai pertanian di-bahagian Kajipenyakit Tumbohan.



Dr. Serudin ketika menjalankan tugas.

## Perjumpaan Penghulu2

KUALA BELAIT. — Ahli2 Jawatankuasa Bantuan Alaon Tibi Brunei akan mengadakan perjumpaan dengan Penghulu2, Ketua2 Kampong dan Ketua2 Rumah Panjang di-Daerah Belait minggu depan. Perjumpaan tersebut akan di-adakan di-Bilek Persidangan Pejabat Daerah Belait pada hari Selasa 29hb April mulai jam 10.30 pagi.

Jawatankuasa yang mengandongi enam orang itu akan di-ketuai oleh Pengerusi-nya Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussain.

## Sumbangan tiket dari RBA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sharikat Penerbangan Diraja Brunei telah menghadiahkan empat keping tiket kapada Dayang Chan Yuk Lin yang mana suami-nya telah chachat anggota oleh satu kemalangan perindustrian tiga tahun yang lalu.

Sumbangan tiket2 tersebut membolehkan Dayang Chan berserta empat orang anak-nya kembali ka-negeri asal-nya di-Hongkong.

Tiket2 itu telah di-serahkan oleh Pengurus Umom, Sharikat Penerbangan Diraja Brunei, Awang Alan Douglas kapada Dayang Chan di-satu majlis yang telah di-adakan di-Pejabat Penerbangan Diraja Brunei di-sini pada hari Isnin minggu ini.

Dayang Chan juga telah menerima dua sumbangan derma yang berjumlah hampir $22,000. Ia-itu sumbangan yang pertama telah di-berikan oleh Dewan Perniagaan China, Kuala Belait sa-jumlah $15,000 dan sa-jumlah $6,300 lagi sumbangan dari Dewan Perniagaan China, Bandar Seri Begawan.



PENGURUS Umom Diraja Brunei, Awang Alan Douglas menyampaikan tiket tersebut kapada Dayang Chan.




SEMINAR bagi Setiausaha2 Bolasepak Kebangsaan Sa-Asia telah di-adakan di-Kuala Lumpur pada awal bulan ini. Persatuan Bolasepak Amatur Brunei telah di-wakili oleh Awang Ibrahim bin Pehin Datu Indera Sugara Dato Laila Jasa Awang Haji Johari (berdiri di-kanan sekali).

Seminar yang di-anjorkan oleh Persekutuan Bolasepak Asia (AFC) dan FIFA oleh 19 orang perwakilan dari negara Asia.

Ini ada-lah kali pertama BAFA menghantar perwakilan-nya ka-seminar sa-umpama itu.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

**Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.**

## RABU — 23HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TARZAN, LORD OF THE JUNGLE
5.30 SPREAD YOUR WINGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 KIDNAPPED
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 BEWITCHED

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "The Shattered Image"
7.43 AZAN ISHA
7.47 TRAPPER JOHN M.D. — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE PROFESSIONALS
9.40 TAYANGAN GAMBAR TV: "Deadly Game"
11.10 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 24HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 UNDER THE SAME SUN
5.30 SPIDERMAN — "Dr Noah Body"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SALVAGE
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SALVAGE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CENTENNIAL — "The Storm" Bahagian kedua.
7.43 AZAN ISHA
7.47 CENTENNIAL — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 DOCUMENTARY: "Shirt Off Our Backs"
10.25 GARRISON'S GORILLAS — "Thieves' Holiday"
The Gorillas di-tugaskan untok menchuri ranchangan2 pertahanan Jerman untok Pantai Selatan Peranchis.
11.15 RUGBY UNION INTERNATIONAL 1980
England lwn Wales.
12.05 SIARAN TAMAT.



DENNIS WEAVER pelakun talivishen kesukaan ramai sa-bagai pegawai pulis Ellis Stone, dalam siri pengambaran yang baru, bertajok "STONE". Weaver yang begitu di-minati ramai sa-lama beberapa tahun sa-bagai Marshall Sam McCloud dalam tayangan Misteri "McCloud" juga berlakun dalam kesah epik Western "CENTENNIAL".

## JUMAAT — 25HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 BAD NEWS BEARS
5.00 STAR MAIDENS
5.30 THE MUPPETS —
Dalam episod ini, bintang filem Liza Minelli menjadi tetamu The Muppets.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CASPER AND THE ANGELS
6.26 DICK TURPIN
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 DICK TURPIN — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TELEMATCH
7.43 AZAN ISHA
7.47 TELEMATCH — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 SERBA SERBI
9.00 SOME MOTHERS DO 'AVE 'EM
9.30 QUINCY — "Death By Good Intention"
Satu ranchangan tindakan pengesahan di-hospital menjadi rosak melainkan Quincy dapat memboktikan bahawa kematian sa-orang pesakit ada-lah di-sebabkan oleh pengkhianatan dan bukan-nya oleh kesilapan sa-orang doktor muda berkulit hitam.
10.20 BIG LEAGUE SOCCER
11.10 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 26HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 NEW SCOOBY DOO — "Tar Monster"
Stoner, ketua pembantu Professor Brigston, menakutkan pekerja2 asli agar mereka tidak menemui bandar lama Byzantius, dengan menyamar diri sa-bagai "Tar Monster" makhlok dongeng yang melindongi bandar itu.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 WARISAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS — "Rodeo"
Achara tahunan rodeo yang di-kendalikan oleh keluarga Ewing menjadi tempat kejadian berbagai kekusutan kel[illegible]
7.43 AZAN I[illegible]
7.47 DALLAS [illegible]ngan
8.15 WARTA [illegible]
8.30 MAJALLAH [illegible]EI
8.50 TAYANGAN FILEM MELAYU
10.30 THE BIG VALLEY — "The Lost Treasure"
11.20 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 27HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 ROAD TO WEMBLEY
5.30 READING WITH LENNY
5.45 HANDFUL OF SONGS
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 YOGI'S GALAXY GOOF UPS
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 DON'T ASK ME

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE INCREDIBLE HULK — "The Quiet Room"
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE INCREDIBLE HULK — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 JUST FRIENDS — "Same Time, Next Night"
Milt sa-chara diam2 belajar tarian samba dari Susan untok memeranjatkan isteri-nya, tetapi pertemuan2 malam sa-chara diam2 ini menjadi buah mulut.
9.00 PERADUAN NYANYIAN AMATUR ASIA
9.50 PEARL
11.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 28HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HERE COMES MUMFIE
5.15 MIGHTY HERCULES
5.30 BIG BLUE MARBLE —
Siri untok kanak2 yang bertujuan untok meluaskan pandangan kanak2 di-seluroh dunia dengan menunjokkan bagaimana kanak2 menjalani hidup dan bermain di-negeri2 lain.
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LIFE AND TIMES OF GRIZZLY ADAMS — "Track of the Cougar"
Grizzy dan Nakoma mesti menchari sa-ekor harimau, dahulu-nya binatang peliharaan mereka yang di-perchayai telah menjadi gila di-hutan belantara.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 GRIZZLY ADAMS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 CHARLIE'S ANGELS — "Angel Hunt"
7.43 AZAN ISHA
7.47 [illegible]RLIE'S ANGELS — sambongan
8.15 [illegible]TA BERITA
[illegible] MAJALLAH BRUNEI
8.50 EICHIED —
Siri ini mengesahkan tentang Ketua Ditektif Earl Eischied dalam kerja2 harian-nya dengan jenayah dan perjuangan2-nya dengan pegawai2 tinggi pehak pulis dan politik yang mahukan ia-nya di-keluarkan dari pejabat dan di-gantikan dengan ketua yang lebeh mudah di-pengarohi.
9.40 ROAD TO MOSCOW
10.30 LOU GRANT — "Convention"
11.10 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 29HB APRIL

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MA'ANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG



PATTY DUKE ia-lah Neely, salah sa-orang gadis jelita yang mementingkan keserunokan lebeh dari segala2-nya dalam penghidupan dalam tayangan gambar bertajok VALLEY OF THE DOLLS pada hari Selasa ini jam 9.15 malam.

Cherita ini mengesahkan tentang empat orang wanita yang terjerat dalam dunia hiboran dan mengikuti penghidupan mereka tatkala ketegangan dan kekechewaan bertambah, dan ada di-antara mereka yang berpaling kapada pil2 dan ubat2 peranchang sa-bagai "pelarian".

Ia-nya membongkar penggunaan dadah2, pil peranchang, pil tidor dan pil menguruskan badan, dan kesah2-nya terhadap penghidupan mereka.

Ia-nya juga begitu menggentarkan perasaan di-mana orang2-nya lebeh mementingkan keserunokan hidup yang di-luar keupayaan mereka. Anne, yang begitu kuat di-pengarohi oleh chinta-nya pada sa-orang lelaki, di-lakunkan oleh Barbera Parkins. Jennifer, di-pengarohi oleh kejelitaan-nya, di-lakunkan oleh Sharon Tate. Dan Neely, di-pengarohi oleh bakat dan keinginan-nya untok di-chintai, di-lakunkan oleh Patty Duke. Susan Hayward berlakun sa-bagai Helen Lawson, bintang ternama Broadway yang tidak berkesempatan untok menjadi wanita ternama.

5.00 SKY —
Sky di-lemahkan oleh kuasa Goodchild dan Jana dan Arbie membawanya ka-hospital untok keselamatan-nya tetapi Goodchild maseh mengejar-nya dengan menyamar sa-bagai sa-orang doktor.
5.30 BATTLE OF THE PLANETS — "The Alien Bigfoot"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 SHIRLEY
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SHIRLEY — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 STONE —
Daniel Ellis Stone bukan-lah sa-orang pulis biasa — ia ada-lah sa-orang yang mashor. Tetapi kemashoran menjadi sukar bagi mereka yang tidak biasa dengan-nya, dan Stone menghadapi satu masaalah tambahan — ia memperolehi kedudokan baru-nya melalui novel2 yang telah di-tulis-nya, dengan mendedakan kerja2 pulis. Dapat-lah ia meneruskan diri-nya sa-bagai ahli yang berguna bagi angkatan pulis sedangkan sa-tiap orang tahukan nama dan wajah-nya ?
7.43 AZAN ISHA
7.47 STONE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.15 TAYANGAN GAMBAR: "Valley of the Dolls"
11.15 SIARAN TAMAT.



"MEMBERI Makan Singa" — salah satu achara yang akan dapat awda saksikan dalam Telesokan.

# TELESOKAN '80' — ranchangan menarek dan menyerunokkan

PERKHIDMATAN talivishen Radio Talivishen Brunei akan memulakan satu siri ranchangan yang menarek dan menyerunokkan yang di-beri nama "TELESOKAN '80".

Di-padankan dari ranchangan2 Eropah BBC saperti "It's a Knockout" dan "Telematch" dari Jerman yang sedang di-tayangkan pada masa ini, TELESOKAN ada-lah pertandingan yang penoh dengan keserunokan dan pertentangan di-antara empat buah daerah di-Brunei. Pasokan2 lelaki dan wanita akan menunjokkan kemahiran dan kekuatan mereka bertanding di-antara satu sama lain di-hias dengan pakaian yang berwarna-warni dan permainan2 yang di-susun dengan berbagai helah. Sa-bahagian dari pertandingan2 separoh akhir dan akhir menyebabkan pasokan2 basah kuyup di-kolam berenang Anggerek Desa.

Orang yang di-tugaskan untok membuat semua kerja ini ia-lah penerbit TV, Dayang June Tan. Sementara itu, kakitangan2 penerbitan dan kejuruteraan ada-lah menyelaraskan usaha2 semua Jabatan yang terlibat. "Telesokan" ada-lah usaha bersama di-antara Jabatan2 Majlis Sokan, Kebajikan, Belia dan Sokan dan RTB.

Sa-laras dengan dasar Kerajaan dan RTB, "Telesokan" ada-lah ranchangan yang bertaja. Sharikat2 tempatan ada-lah di-beri kesempatan untok turut menaja ranchangan ini, dengan mempamerkan iklan2 mereka di-sekeliling padang di-mana perlawanan2 itu di-adakan.

Dengan bantuan Pegawai2 Daerah, dua buah pasokan dari tiap2 daerah akan bertanding dalam perlawanan pusingan awal untok mendapatkan tempat dalam perengkat separoh akhir. Ke-empat2 buah ranchangan ini akan di-adakan di-Kuala Belait, Tutong, Bandar Seri Begawan, dan suku-akhir bagi Temburong akan di-adakan di-Bandar Seri Begawan.

Kejayaan ranchangan saperti ini bergantong kapada sokongan2 para penunton pada pasokan2 yang bermain dan orang ramai ada-lah di-jemput menyaksikan dan menyokong pasokan mereka.

Tarikh2 rakaman sa-tiap ranchangan dan seterus-nya tarikh tayangan-nya ada-lah saperti berikut:—

| Ranchangan | Masa | Rakaman | Tempat | Tarikh Tayangan |
|---|---|---|---|---|
| Suku-Akhir | | | | |
| Daerah KB/Seria | 2 ptg. | Ahad 4hb Mei | Seria Arena | 20hb Jun |
| Daerah Temburong | 2 ptg. | Ahad 11hb Mei | Padang Besar | 27hb Jun |
| Daerah Tutong | 2 ptg. | Ahad 18hb Mei | Padang Sokan Muda Hashim | 4hb Julai |
| Daerah Brunei-Muara | 2 ptg. | Ahad 25hb Mei | Padang Besar BSB | 11hb Julai |
| Permainan Di-Ayer — Rabu 28hb Mei | 2 ptg. | Kolam berenang Anggerek Desa | | |
| Separoh Akhir | 2 ptg. | Ahad 8hb Mei | Padang Besar | 18hb Julai |
| Separoh Akhir | 2 ptg. | Ahad 15hb Mei | Padang Besar | 25hb Julai |
| Permainan Di-Ayer — Rabu 25hb Jun | 2 ptg. | Kolam berenang Anggerek Desa | | |
| Perengkat Akhir | 2 ptg. | Ahad 29hb Jun | Padang Besar | 1hb Ogos |

## SISWAZAH BRUNEI

SISWAZAH undangan mi- gu ini ia-lah Yang Berhor Pehin Datu Imam Dato S Setia Haji Abdul Hamid Bakal, Kadzi Besar Bru Beliau beroleh ijazah M dari Universiti Al-Az Kaherah.

Ikuti-lah ranchangan pada hari Ahad 27hb A 1980 jam 11.00 pagi ulangan-nya pada hari R jam 7.30 malam.

Gambar kanan kelihatan Y Berhormat Pehin Tuan Imam dang di-temuramah oleh Peng Ranchangan Kanan, Awang R lee Haji Md Said.

intis RTB mingg

## Dokumentar

## off our

## Hari Khamis

TIGA daripada sa-pu pileh sebarangan jeans yang di-buat di-luar pada-nya akan memaka Timor jauh — mungkin

THE SHIRT OFF sa-jauh mana Eropah da lawan bagi kerja2 dalam lawanan di-mana kedua Dalam mengesan penghi sin yang membuat kerja gunakan mesin2 yang sa- di-Belgium, £42 di-Brit £2.50 di-Sri Lanka, ra

## Making A Home

PENGIRAN Asmalee bin Pg Ahmad, having finished his role as the Chairman of the past series of Two Away For No panel game programme, will be heard on the air again soon.

This week the producer of Making A Home programme, Nafisah Haji Ali, will interview him about his plan to build a home. So, if you wish to know how a professional artist's home would be like, do tune in Making A Home programme, through the English Service of Radio Brunei on Saturday 26th April at 12.45 pm, and should you miss that, you can tune in next Wednesday, 9.30 pm. for its repeat broadcast.

Picture shows Pengiran Asmalee explaining the Architect's plan for his house, to the producer, Nafisah Haji Ali, before the recording of the programme.



## Bintang Kechil Radio

PERTANDINGAN Bintang Kechil Radio 1980, perengkat awal bagi Daerah Belait, telah di-adakan baru2 ini. Dalam pemilehan itu, sa-ramai 15 peserta telah di-pileh untok memasoki ka-perengkat daerah (akhir) yang akan di-adakan pada hari Sabtu, 26hb April 1980 mulai jam 7.30 malam, bertempat di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait. Hasil pemilehan itu nanti, akan di-gabongkan dua buah daerah untok mewakili ka-pertandingan separoh akhir.

Nama2 peserta yang terpileh ka-perengkat akhir bagi Daerah Belait itu ada-lah saperti berikut:—

Norashikin bte Ramli, Hartinah bte Ramli, Norisman bin Mejenis, Ak Yunos Pg Damit, Ak Shahminan Pg Md Ali, Saliha bte Haji Bagul, Md Alfred Md Ariffin, Shamsuddin Haji Abdul Wahab, Faridah bte Johari, Suriani Julaihi, Norzelawati Mejenis, Razali Marusin, Dk. Noralam Pg Kahar, Ratnah Dewi dan Md Shamri Md Yusoff.

Di-ingatkan kapada peserta2 yang terpileh itu supaya akan dapat datang ka-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait pada hari Sabtu, 26hb April 1980 jam 1.30 petang untok mengadakan latehan terakhir.

Sementara itu, sa-lepas pertandingan di-jalankan, Bahagian Melayu RTB, akan mengadakan rakaman Pestaria, yang akan di-serikan oleh penyanyi2 tempatan yang berbakat, sejenak bersama awda dan persembahan lawak jenaka.

Orang ramai di-jemput datang ka-Dewan tersebut untok menyaksikan-nya.



hirt

salam

...pah yang di-
...seluar atau
... Enam dari-
... di-buat di-

...membongkar
...erpaksa ber-
... — satu per-
...an menang.
...ng juru me-
...ngan meng-
...0 sa-minggu
...ngkong dan
...membongkar
...sebalek an-
...as akan bu-
... di-Timor
... pekerja2
...ian di-Ero-

...ar bahawa
...tahun yang
...yak 3,500
...at pakaian
...ksa di-tutop
...babkan ke-
...0 pekerjaan.
... pembuat
... Lanka de-
...ya yang se-
...h sa-chara
...ertanggong-
...laan ini de-
...ndapat 25p
...emeja ber-
... di-jual-nya
...rikat. Yang
... untok ba-
...ain, fabrik,
... dan label
...ng dari luar
...n bayaran2



## Ranchangan Pop minggu ini

RANCHANGAN Pop minggu ini, ia-lah sa-buah ranchangan yang di-sukai ramai oleh muda mudi. Ranchangan ini, sa-tiap minggu menemui pe-minat2-nya dalam mana penerbit ranchangan ini Mohd Ali Majid menge-mukakan penyanyi2 dan lagu2 yang mendapat tem-pat di-hati para peminat-nya.

Kumpolan BLACK DOG BONE dengan album baru-nya, MALAM KENANG-AN (Berchinta di-Pantai) telah mendapat 56 undi berbanding dengan tujoh buah album yang lain, da-lam keluaran ke-15, ran-changan Pop Minggu Ini. Kumpolan BLACK DOG BONE telah mempertahan-kan kejuaraan-nya bagi kali yang kedua-nya ming-gu ini.

Sementara itu, album yang mendapat undi yang terkechil sekali, mendapat hanya sa-banyak 13 undi, ia-lah album dari Kumpol-an ALLEYCATS dengan lagu-nya SELAMAT BER-BAHAGIA yang mendu-doki tangga yang paling bawah, ia-itu tangga kela-pan.

Dan untok minggu ini, minggu yang ke-16, tujoh buah lagu akan di-kemuka-kan: —

1. Kelohan Hati — Uji Rashid, 2) Malam Pesta Ria — Aman Shah, menda-pat tempat yang kedua minggu ke-15, 3) Dansa — Hetty Koes Endang, 4) September Lalu — Moham-mad Nasir, 5) Tiada Lagi Ayer Mata — Carefree, 6) Emosi — Diana Nasution, 7) Chinta — Yunizar Hossien.

Sa-telah dua minggu bertu-rut2 album ALLEYCATS de-ngan lagu-nya SELAMAT BERBAHAGIA mendudoki tangga yang kelapan, maka al-bum ini dengan sendiri-nya di-keluarkan dari senarai chalon2 album Pop Minggu ini, di-ke-luaran ke-16, dan album baru yang menggantikan-nya, ia-lah DIANA NASUTION dengan lagu-nya EMOSI.

Untok mengetahui lebeh lan-jut perkembangan lagu2 pop yang TOP HIT di-akhir2 ini, di-persilakan Awda mengikuti siaran ranchangan POP MINGGU INI pada tiap2 hari Ahad jam 8.30 pagi.

# "EISCHIED" — drama Pulis yang realistik



JOE dan Baker sa-bagai bintang utama dan WALDO sa-bagai kuching peliharaan-nya, P. C. (Police Commissioner) dalam siri bertajok "EIS-CHIED" sa-buah drama polis yang realistik. Earl Eischied ada-lah ketua ditektif di-Jabatan Polis Bandar New York. Siri ini di-mulakan pada hari Isnin jam 8.50 malam untok menggantikan ranchangan PUSPARAMA.

# RANCHANGAN TVP DARI 28HB APRIL — 3HB MEI

### ISNIN — 28HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 71
Di-dalam ranchangan kali ini, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, KATA SI-MANIS, PA' LONG, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan NAIK KUDA pergi ka-sawah padi.

Di-sudut LIHAT DAN PERHATI pula Che'gu Sa'diah akan menguji ingatan anak2 dengan benda2 yang anak2 bo-leh lihat di-sawah padi.

Di-SIRI PERMULAAN pula, Che'gu Sa'diah akan menunjokkan gambar2 di-sawah padi dan akan bercherita menge-nai gambar2 itu.

Pada akhir ranchangan Che'gu Sa'diah akan menyebut nama2 kanak2 melalui CHERMIN SAKTI-nya.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 71

### SELASA — 29HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 72
Kanak2 akan berpeluang menyaksikan aktiviti2 saperti MARI BERLAKON, KERJA TANGAN, BERMAIN BA-KUL, SI-MANIS, AMINAH, GAM-BAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI di-dalam ranchangan kali ini.

Di-sudut MARI BERLAKON, kanak2 akan berlakon membuat kerja2 yang biasa di-kerjakan di-sawah padi, saperti mengetam padi, membanting padi, me-nampi padi dan lain2 lagi.

Di-sudut KERJA TANGAN pula Che'-gu Sa'diah akan menunjokkan chara membuat anak patong dari telor.

Minggu ini SI-MANIS berpesan pada kanak2 supaya jangan suka mengganggu atau menyeksa binatang2 yang tidak mengganggu kita.

Che'gu Sa'diah mengajar kanak2 ben-da2 yang bermula dengan hurut "d", di-sudut GAMBAR DAN SEBUTAN.

Ranchangan kali ini di-akhiri saperti biasa dengan CHERMIN SAKTI.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 72.

### RABU — 30HB APRIL

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 73
Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan mem-buat aktiviti2 saperti BERMAIN BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMIN, BERMAIN BELON, YANG MANA SATU GANJIL, dan CHERMIN SAKTI.

Di-sudut TUNJOK BENDA, kanak2 akan menunjokkan dan mencheritakan tentang benda2 yang mereka bawa dari rumah saperti kerja tangan, lukisan, ba-rang2 permainan dan gambar.

Pada akhir ranchangan Che'gu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 melalui CHERMIN SAKTI-nya.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 73.

### KHAMIS — 1HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 74
Di-dalam ranchangan kali ini, Che'gu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti IKUT KETUA, PA-PAN HIKMAT, PETI SURAT, BER-SENAM, HALAMAN BERSENAM, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Che'gu Sa'diah akan membacha sa-bahagian lagu surat2 yang kanak2 te-lah kirim pada-nya di-halaman PETI SURAT.

Di-HALAMAN BERCHERITA, Che'-gu Sa'diah akan bercherita mengenai dengan "Peladang dengan Kanchil".

Saperti biasa ranchangan Kap Kap Udang di-akhiri dengan CHERMIN SAKTI.

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 74.

### SABTU — 3HB MEI

**PAGI**

10.30 KAP KAP UDANG 75.
Di-dalam ranchangan kali ini kanak2 akan berpeluang menyaksikan aktiviti2 saperti BERMAIN KERUSI, BANG, KETUA KESELAMATAN, AMINAH, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

KETUA KESELAMATAN minggu ini mengajar kanak2 tentang bahaya2 bila kita memerhatikan orang sedang mene-bas rumput.

"Arnab dengan Kambing" ia-lah tajok cherita yang Che'gu Sa'diah akan cheri-takan di-HALAMAN BERCHERITA kali ini.

Che'gu Sa'diah mengakhiri ranchangan saperti biasa dengan menyebut nama kanak2 melalui CHERMIN SAKTI-nya.

**PETANG**

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 75.



Salah satu gambar di-dalam cherita "Peladang dengan Kanchil".

# Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

## RABU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Bengkel Radio (SU); 8.30 — Permintaan Pagi Rabu; 9.30 — Lagu dan Senikata; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Autograph Pendengar; 11.00 — Teman Mekar; 11.30 — Bingkisan Tanah Ayer — Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Penyanyi Harapan; 1.30 — Menjelang Rehat. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Untok Belia; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Asli; 6.00 — Mukkaddam, Azan Bingkisan Hari ini/ Menunaikan Sembahyang. MALAM : 7.00 — Seiring Jalan; 7.30 — Siswazah Brunei (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Permintaan Sukaramai; 9.30— Salam Mesra (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.25 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## KHAMIS

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30— Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Rampaian London; 8.15 — Hiboran; 8.30 — Melody Adek Ku (SU); 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Selingan 10.30 — Permintaan Sukaramai; 11.30— Sinar Chahaya. T/HARI : 12.00 — Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawara; 1.30—Mari Menyanyi; 1.45 — Menjelang Rehat. PETANG : 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00 — Majallah Ugama/ Petikan Soal Jawab Ugama; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Tafsir Al-Koran; 6.15 — Mukkaddam, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Permainan Gambus; 7.30 — Bimbingan Al-Koran, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Sandiwara Radio (SU); 9.00 — Hidayat; 9.30 — Tetamu Minggu ini (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20 — Doa Restu, 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## JUMAAT

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Pertanian dan Perikanan; 8.30 — Mari Menyanyi (SU); 8.45 — Selingan Irama; 9.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30 — Tafsir Al-Koran (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Soalan Di-Udara; 10.30 — Dari Kampong Ka-Kampong; 11.00 — Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30 — Keluarga Jaya. T/HARI : 12.00 — Lagu2 Dakwah; 12.15 —Bachaan Al-Koran; 12.30 — Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15 — Qasidah; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Permainan Gambus (SU). PETANG : 2.15 — Varia Peristiwa; 2.30 — Ruangan Kitani; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Apa Pendapat Awda; 3.30 — Panorama Tanah Ayer, Azan Asar; 4.00 — Kuiz Ka-Sekolah2; 4.30 — Chitrawara (SU); 5.00— Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mukkaddam, Bingkisan Hari ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Cherpen dan Salokan; 7.30 — Gurindam Lagu (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun (SU); 9.00 — Permintaan Sukaramai; 9.30 — Majallah Ugama/Petekan Soal Jawab Ugama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## SABTU

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30— Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 Soalan Di-Udara; 8.30 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Apa Pendapat Awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Waria Peristiwa (SU); 10.30 — Sa-Iring Jalan (SU); 11.00 — Panorama Tanah Ayer (SU); 11.30 — Berdendang Dengan Ku. T/HARI : 12.00 — Rampaian Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Permintaan Hujong Minggu. PETANG : 2.00 — Pelajaran Dewasa Di-Udara (SU); 2.30 — Lagu dan Senikata (SU); 3.00 — Hiboran Pilehan; 3.30 — Cherpen dan Salokan,Azan Asar; 4.00 — Chitra Irama; 4.30 — Tunas Pendidek; 5.00 — Dunia Minggu Ini; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Siri Mukkaddam, Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : 7.00 — Dari Kampong Ka-Kampong (SU); 7.30 — Treo Combo Band/Suara Berhormoni, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Purbawara (Diang Dangan); 9.00 — Dari Sekolah Ka-Sekolah; 9.30 — Titian Sastera/Budaya Kita; 9.45 — Senandong Malam; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan Illahi, Bachaan Al-Koran, Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## AHAD

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Dunia Wanita; 8.30 — Pesta Pop; 9.00 — Taman Mekar; 9.30 — Apa Pilehan Awda; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Titian Sastera/Budaya Kita; 10.30 — Pencharagam Tempatan; 11.00 — Siswazah Brunei; 11.30— Album Penyanyi. T/HARI : 12.00 — Sandiwara Radio, Azan Dzohor; 12.30 — Hiboran Rampaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Combo RTB/Bintang Kechil; 1.45 — Pilehan Instrumental. PETANG : 2.00 — Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15 — Mari Berpantun/Berbalas Pantun, Azan Asar; 3.45 — Sokan dan Olahraga; 4.15 — Dari Sekolah Ka-Sekolah (SU); 4.45 — Pilehan Juruhebah; 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 6.00 — Mari Berzikir; 6.15 Bingkisan Hari Ini, Azan Maghrib, Menunaikan Sembahyang Maghrib. MALAM : Suara Parajurit, Azan Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, Melayu, Dusun, Iban; 8.30 — Gurindam Jiwa; 9.00 — Bengkel Radio; 9.30 — Permintaan Sukaramai; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah; 10.07 — Bachaan Al-Koran; 10.20 Doa Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

## ISNIN

PAGI : 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00 — Suara Poli Diraja (SU); 9.00 — Rampai Sari Hiboran; 9.30 — Antarabangsa (Du Ann); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Be ta; 10.15 — Berdendang Dengan Ku; 10.30 — Sains dan Perusahaan; 11.00—Hiboran; 11. — Bingkisan Tanah Ayer (SU). T/HARI 12.00 — Komintar Radio; 12.15 — Rampa T/Hari, Azan Dhozor; 12.30 — Rampai Tengah Hari; 12.45 — Tanda Waktu d Warta Berita; 1.00 — Permintaan Sukaram PETANG : 2.00 — Siaran Melayu di-tama kan. 5.00 — Keluarga Si-Awang; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Senandong Lagu2 Lama; 6.00 — Mukkadda Bingkisan Hari Ini, Menunaikan Sembahya Maghrib. MALAM : 7.00 — Penyanyi Har pan; 7.30 — Tunas Pendidek, Azan Isha; 8.0 — Tanda Waktu dan Warta Berita — Melay Dusun, Iban; 8.30 — Chitra Irama; 9.00— Pe tanian dan Perikanan; 9.30 — Dendang Muzi Melayu; 10.00 — Tanda Waktu dan War Berita; 10.05 — Suntingan Hidayah, Bacha Al-Koran—Doa Restu; 10.30 — Siaran Mela di-tamatkan.

## SELASA

PAGI : 6.00—Allah Selama kan Sultan dan Negara; 6.0 — Sinaran Wahyu; 6.30 — Dendang Suria; 7.00—Tand Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8. — Suara Parajurit (SU); 9.00 — Permint Untok Wanita; 10.00 — Tanda Waktu d Warta Berita; 10.15 — Rampaian Lond 10.30 — Melody Adek-ku; 11.00 — Hibora 11.30 — Salam Mesra. T/HARI : 12.00 — Hiboran Tengahari, Azan Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu Minggu ini; 1.30 — Ku sampaik Salam. PETANG : 2.00 — Siaran Melayu d tamatkan. 5.00 — Rakaman Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran Petang; 6.00 — Mukkaddam, Bi kisan Hari Ini, Menunaikan Sembahya Maghrib. MALAM : 7.00 — Ruangan Ket (SU); 7.30 — Album Penyanyi (SU), Az Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita- Melayu. Dusun, Iban; 8.30 — Pencharaga (SU); 9.00 — Dunia Wanita (SU); 9.30 — Keluarga Jaya (SU); 10.00 — Tanda Wak dan Warta Berita; 10.05 — Suntingan Hidaya Bachaan Al-Koran; 10.20 — Doa Restu; 10. — Siaran Melayu di-tamatkan.

## APA PILEHAN AWDA



MENDAPAT giliran untok memileh lagu2 dalam ranchangan hiboran Apa Pilehan Awda minggu ini ia-lah Dk Bungsu bte Pg Md Daud (gambar atas).

Dayangku Bungsu yang beralamat No. 54A, Jalan Tasek Lama, Bandar Seri Begawan akan memileh enam buah lagu kegemaran-nya untok hiboran peminat2 ranchangan ini. Lagu2 pilehan Dk Bungsu akan ka-udara melalui Radio Brunei pada hari Ahad 27hb April, 1980 jam 9.30 pagi.

# RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

## WEDNESDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Lunch Music. NOON : 12.00 —Hits In Germany. PM: 12.30—News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 —The Big Band Sounds; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Shape of Future; 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakub; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Making A Home (repeat); 10.00 — Close Down.

## THURSDAY

AM : 6.50 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon; 11.45 — World of Education. NOON : 12.30 — News; 12.45 — Are Mothers Necessary ? Programme 5 : "Babies and Society"; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Sixty Minute Theatre : "Delivery" by Valarie Windsor; 9.00 — Dancing String; 9.15 — News; 9.30 — Music For A While with David Temple; 10.00 — Close Down.

## FRIDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Wagner in London by Bert Coules; 11.45 — Light Music From the Netherlands. NOON : Radioscope by Viviyanti Ali. PM : 12.30—News; 12.45—A Hundred Years of Dance Music; 1.15 — Portraits From Memory — Prog 3 : Gordon Craig remembers August Strindberg; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement—From School to School (repeat); 8.30 — Calling On You by Tajul Ahmad; 9.00 — Ray Coniff and the Singers; 9.15 — News; 9.30 — The Pickwick Papers; 10.00 — Close Down.

## SATURDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement—Sweet and Stylish; 11.30 — International Call. NOON : 12.00—Many A Slip. PM : 12.30 — News; 12.45 — Making A Home produced by Nafisah Haji Ali; 1.15— BBC World Report; 1.30—Close Down. 8.00— Opening Announcemnt—The Practical World; 8.15 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 9.00 — Book Club: Turtle Dairy by Russell Hoban; 9.15 — News; 9.30 — Top of The Pops; 10.00 — Close Down.

## SUNDAY

AM : 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour by Veronica Shim; 11.30 — Top of the Pops (repeat). NOON : 12.00 Women's World by Charan Chand. PM: 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Animal, Vegetable or Mineral; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Are Mothers Necessary ? Programme 5: "Babies and Societ (repeat); 8.45 — The Young Sound by Ta Ahmad; 9.15 — News; 9.30 — Sunday Nigh Special with Ideris Ali; 10.00 — Close Dow

## MONDAY

AM : 6.58 — Openi Announcement; 7.00 World News (BBC Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musi Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS R lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Openi Announcement — Hello Tomorrow; 11.30 Music-Go-Round. NOON : 12.00—I am Sor I'll read that again. PM : 12.30—News; 12. — Science Potpourri produced by Char Chand; 1.15 — Travellogue by Jaafar Yaak 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening A nouncement — The Bee Gees Story — Part (b) "Break up to make up" Side 2 (repea 8.45 — Monday's Night Mail by Veroni Shim; 9.15 — News; 9.30 — The World Books; 10.00 — Close Down.

## TUESDAY

AM : 6.58 — Openi Announcement; 7.00 World News (BBC Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musi Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS lay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Openi Announcement — BBC Sports Magazine; 11 — Housewives' Special; 11.45 — Just A Min NOON : 12.15 — Shape of the Future by Vi yanti Ali. PM : 12.30 — News; 12.45—Stri Instrumental; 1.00 — The Bee Gees Story P 3 (a) "You Should be Dancing"; 1.30 Close Down. 8.00 — Opening Announcem — Stereo Pop Special "Police" Side 8.30 — Radioscope (repeat); 9.00 — Yo World; 9.15 — News; 9.30 — Animal, Veg ble or Mineral (repeat); 10.00—Close Dow

# Perkhidmatan Pos ka-kampong2 akan di-perbaiki

LIMAU MANIS. — Satu Majlis Perjumpaan antara Ketua Pos Agong, Pengiran Jeluddin bin Pengiran Limbang dengan pendudok2 Kampong Limau Manis dan Wasan telah di-adakan di-Rumah Ketua Kampong tersebut, Awang Haji Ladi bin Umar pada pagi Jumaat 18hb April yang baru lalu.

Perjumpaan itu di-adakan ada-lah semata-mata bagi melantek wakil pos di-kampong itu dalam melaksanakan perkhidmatan pos berjalan dengan baik dan terator lebeh2 lagi di-kampong2 pendalaman.

Sa-belum perbinchangan di-mulakan, achara pada pagi itu telah di-mulakan dengan uchapan alu2an dari Timbalan Ketua Pos Agong, Awang Abdul Aziz bin Mohammad.

Dalam uchapan-nya beliau menjelaskan bahawa tujuan di-adakan perjumpaan itu ada-lah bagi berkenalan dengan pendudok kampong tersebut di-samping untok mengetahui sa-chara dekat lagi tentang masaalah2 yang di-hadapi oleh pendudok2 kampong terutama mengenai dengan perkhidmatan pos yang di-jalankan oleh kaki-tangan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Kata-nya Jabatan Pos pada masa ini sudah pun melantek beberapa wakil2 pos di-kampong di-daerah ini yang mana ia-nya bertujuan untok memberikan perkhidmatan yang menyenangkan kapada orang ramai yang tidak sempat pergi ka-bandar untok menghantar surat.

Timbalan Ketua Pos Agong itu juga telah meminta pendudok2 kampong tersebut supaya akan dapat bekerjasama pada mengatasi segala masaalah2 yang berbangkit mengenai dengan penerimaan surat2 di-kampong itu samada surat berdaftar, kiriman money order atau sa-bagai-nya.

Di-mana beliau mensifatkan, tanpa kerjasama yang erat dari pendudok2 kampong Jabatan Perkhidmatan Pos tidak akan mengetahui segala masaalah2 yang di-hadapi oleh anak2 kampong baik dari segi perjalanan penerimaan surat2 itu berjalan dengan baik atau sa-balek-nya.

"Ini ia-lah kerana pada masa ini terdapat sa-bilangan orang2 yang mengatakan bahawa surat2 lambat datang. Jadi-nya kami dengan itu ingin meminta kapada tuan2 supaya mengemukakan pertanyaan. Maka dengan itu nanti kami akan dapat mengetahui sebab2 mengapa surat itu lambat datang?" jelas beliau.

Kerana, kata-nya, Jabatan Perkhidmatan Pos ada-lah sa-buah jabatan kerajaan yang bertanggong-jawab pada memberikan perkhidmatan2 yang memuaskan kapada orang ramai di-negeri ini.

Lebeh daripada 30 orang pendudok kampong telah menghadhiri perjumpaan itu. Di-mana di-akhir perjumpaan pendudok2 kampong telah mengemukakan beberapa masaalah mengenai perkhidmatan pos dengan beberapa orang pegawai2 dari jabatan tersebut.



KETUA Pos Agong, Pengiran Jeluddin (no. 4 dari kanan) ketika mengadakan perjumpaan dengan pendudok2 kampong tersebut.

## Tayangan gambar perdana

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Palang Merah Daerah Brunei-Muara akan mengadakan tayangan filem perdana yang berjodol "Rahsia Sa-Orang Ibu" pada 29hb April jam 9.30 malam.

Tayangan tersebut ada-lah bagi mengutip derma untok tabong Anak2 Chachat Kampong Ayer dan tabong Palang Merah.

Tiket2 yang berharga $15.00; $5.00; $3.00 dan $1.20 sekarang sedang di-jual dan boleh di-beli dari nama2 saperti berikut: —

Awang Morni bin Awang Damit, Bank of America; Awang Othman bin Md Yusof, Pejabat Akitek Bersatu dan Awang Lakim bin Haji Hamzah, Mess Pegawai, Angkatan Laut Pertama, Muara.

# Menguji kechekapan anggota2 AMDB



MARKAS Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei tahun ini munchol sa-bagai juara bagi yunit terbesar dalam pertandingan sokan merantis antara yunit pasokan yang telah di-langsongkan di-Kampong Sungai Hanching pada 10hb April lepas.

Peraduan tersebut yang antara lain bertujuan untok menguji kechekapan pimpinan di-kalangan anggota pasokan dan merupakan sokan merantis tahunan telah di-jalankan sa-hari suntok bagi membolehkan sa-tiap peserta pasokan yang bertanding memungut mata kemenangan di-dua puloh tempat yang perlu di-datangi.

Tempat kedua yunit terbesar di-menangi oleh Batalion Kedua, sementara dalam yunit kechil, tempat pertama di-menangi oleh pasokan Skuadron Bot Khas, kedua pasokan Chawangan Udara dan ketiga pasokan Skuadron Perisai Peninju.

Dalam bahagian perseorangan kumpolan yang mengandongi tiga orang anggota, yunit terbesar di-menangi oleh pasokan kelima, Kompeni 'A' Batalion Pertama, kedua pasokan kelima Markas Pasokan Perbekalan dan ketiga pasokan pertama Kompeni 'C' Batalion Pertama.

Dan perseorangan kumpolan yunit kechil johan di-menangi oleh pasokan 'D' Chawangan Udara; kedua pasokan 'B' juga chawangan Udara dan ketiga pasokan kedua Skuadron Bot Khas.

GAMBAR menunjokkan sa-pasokan dari peserta yang menyertai sokan merantis itu dengan teliti menandakan kawasan2 yang perlu mereka datangi untok memungut mata kemenangan bagi pasokan mereka.

## Mashuarat agong PKKS kali ke-17

PANTAI LUMUT. — Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong — PKKS akan mengadakan mashuarat agong-nya yang ke-17 di-Pantai Lumut, Belait pada hari Ahad 27hb April mulai 9.00 pagi.

Antara perkara2 yang akan di-binchangkan dalam mashuarat itu ia-lah membentangkan penyata tahunan PKKS 1979/80, membentangkan penyata Kira2 PKKS 1979/80 dan membentangkan Pindaan Perlembagaan PKKS.

Setia Usaha Agong PKKS, Awang Haji Mohd Tamit bin Haji Manggol menyatakan mashuarat tersebut senghaja di-adakan di-Pantai itu kerana di-selajurkan untok temasha berkelah di-kalangan keluarga ahli2 PKKS.

Dari muka 5

sa-bagaimana yang di-terangkan oleh maksud ayat di-atas, kerana di-hari itu satu perhimpunan yang maha agung akan di-laksanakan untok memperlihatkan keadilan yang sa-benar2-nya dari yang maha kuasa.

Oleh yang demikian, ada-lah perlu satu keinsafan yang sa-benar2-nya di-timbulkan guna untok kesejahteraan kita di-belakang hari. Betapa pun besarnya keuntongan dan laba yang di-dapati di-dunia, tetapi sa-andainya di-terima dengan jalan aniaya dan bersalahan dengan jalan keredhaan Allah, maka laba dan keuntongan itu-lah nanti yang akan di-pikul sa-bagai seksa daripada Allah.

# Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah ini bermula bagi minggu 16hb April, 1980.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. UDANG KERING — $5.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur.
2. BIJAN (LANGA) — $2.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan.
3. BAWANG PUTEH (Puteh) — $3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Hong Soon,
   No. 6, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. UDANG KERING — $6.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Soon Soon,
   No. 99-B, Jalan McKerron.
2. BIJAN (LANGA) — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut :—
   Sharikat M. Haji,
   No. D-2, Bangunan Dewan Perdagangan China.
3. BAWANG PUTEH (Puteh) — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Teo Hiang Hng,
   No. 45, Jalan Pretty.

**SERIA**

1. UDANG KERING — $6.80 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Koh Seng Hang,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
2. BIJAN (LANGA) — $2.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Hj C.A. Mohammed,
   No. 51, Jalan Bunga Kuning,
3. BAWANG PUTEH (Puteh) — $3.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Siong Huat,
   No. 1, Jalan Bunga Kemantin.

# Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 23hb hingga 29hb April, 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 23.4.1980 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 23.4.1980 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Melayu Masin | 23.4.1980 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 26.4.1980 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 26.4.1980 | Sabtu | 2.45– 3.45 „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 26.4.1980 | Sabtu | 4.00– 5.00 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 28.4.1980 | Isnin | 2.00– 3.00 „ |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 28.4.1980 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 29.4.1980 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak | 29.4.1980 | Selasa | 10.30–11.30 „ |



JOHAN Lelaki Terbuka, Awang Timbang menerima Piala Kornia YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar yang di-sampaikan oleh YDM Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Musa.

Sementara gambar kanan menunjokkan Pasokan Tiba yang telah memenangi achara berpasokan wanita.



# 200 SERTAI PERLUMBAAN SEMI – MARATHON

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Timbang bin Salim dan Dayangku Masinu bte Pengiran Tuah telah munchol sa-bagai johan dalam bahagian lelaki dan wanita terbuka Perlumbaan Semi Marathon yang di-anjorkan oleh Belia Sumbiling pada hari Ahad 13hb. April yang lalu.

Perlumbaan yang di-anjorkan sempena mengeluaran Putera Sulong Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negeri Brunei itu telah di-sertai oleh lebeh daripada 200 orang peserta. Ia-nya di-anjorkan buat kali yang ke-empat oleh persatuan tersebut.

Perlumbaan itu telah di-bahagikan kapada lima bahagian ia-itu Bahagian berpasokan lelaki dan wanita, perseorangan lelaki dan wanita dan bahagian lelaki veteran.

Para peserta lelaki telah melakukan perjalanan sa-jauh 17 batu bermula dari Pekan Muara sementara peserta wanita pula ia-lah sa-jauh 10 batu yang bermula dari Simpang Mentiri berdekatan dengan Pangkalan Sibabau. Kedua2 perlumbaan berakhir di-Pusat Belia di-Bandar Seri Begawan.

Tempat kedua dalam bahagian lelaki telah di-sandang oleh Sahwal bin Nordin dan ketiga di-menangi oleh Awg Ayubhan bin Jaya sementara bagi peserta wanita pula tempat kedua telah di-menangi oleh Dyg. Shirley Cassell dan tempat ketiga di-menangi oleh Dayang Noriah bte Haji Damit.

Dalam bahagian lelaki berpasokan pula, Pasokan C Kompeni Batallion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei "A" telah berjaya mendapat tempat pertama; kedua di-menangi oleh Pasokan Champoran Pusat Latehan Bolkiah Kem dan ketiga di-menangi oleh Pasokan C Kompeni Battalion Pertama Askar Melayu Diraja Brunei "B".

Manakala dalam bahagian wanita berpasokan pula, johan telah di-sandang oleh Tiba Group. Pelari2 pasokan ini terdiri dari Dayang Masni bte Hashim; Dyg. Saimah bte Haji Madin; Dyg. Hashimah bte Hashim; Dk Masinu bte Pg Tuah dan Dyg. Rokia bte Besar.

Tempat kedua bahagia[n] berpasokan ini telah d[i]menangi oleh Pasoka[n] Happy Girls dan ketiga d[i]menangi oleh Berak[as] Group.

Dalam bahagian lela[ki] veteran pula. Tempat pe[r]tama telah di-menangi ol[eh] Pegawai Waran II, Awa[ng] Othman bin Haji Laba[,] kedua, Sarjan Pengir[an] Zaini bin Pengiran Hita[m] dan ketiga di-menangi ol[eh] Pegawai Waran II Udho[] bahadur Sunwar.

Hadiah2 kapada pem[e]nang2 telah di-sampaik[an] oleh Yang Dimuliakan P[e]hin Orang Kaya Inde[ra] Dewa Dato Paduka H[aji] Musa bin Awang Hita[m] Ketua Kampong Sumbili[ng] Lama.

# Usaha2 memajukan bidang sokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam usaha untok memajukan bidang sokan telah berusaha sunggoh2 dengan melateh raayat dan pendudok negeri ini dalam arena sokan yang bermula dari sekolah2 sa-hingga ka-perengkat orang dewasa.

Dan untok meninggikan taraf kesokanan negeri kita, kerajaan juga telah mendirikan sa-buah Stadium yang bertaraf antarabangsa telah mula di-bena untok menanti raayat dan pendudok2 yang berkebolehan untok bertanding di-dalam-nya.

Demikian telah di-tekankan oleh Yang Berhormat Awang Haji Abdul Latif bin Awang Abdul Hamid, ketika beruchap sa-jurus sa-belum merasmikan Sokan Tahunan Sekolah Menengah Arab Laki2 Hassanal Bolkiah kali yang kesembilan yang telah di-adakan di-padang sekolah tersebut di-sini pada hari Rabu 9hb. April yang lalu.

"Sebab itu-lah peluang yang terbuka ini perlu di-ambil perhatian oleh raayat dan pendudok negeri ini terutama sekali belia2 dan penuntut2 yang mempunyai bakat dalam kesokanan, bersiap sedia untok melengkapkan diri jangan sampai stadium siap bangsa kita tidak bermain di-dalam-nya melainkan menjadi penuntun saja", tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Latif juga mengingkatkan kapada pendudok negeri ini supaya sentiasa siap sedia untok menunggu sa-suatu masa yang gemilang agar kegemilangan itu dapat di-rasai rahmat-nya sa-bagai sumber dan jasmani yang tulin.

Sebab itu-lah jelas Yang Berhormat itu lagi, usaha untok menjadikan badan yang sehat perlu di-pesatkan supaya bangsa kita akan menjadi sentiasa sehat ia-itu sehat tuboh badan, sehat pemikiran, sehat semangat, sehat jiwa serta sehat segala2-nya.

Di-samping itu juga, ujar Yang Berhormat, bangsa kita akan hidup dalam keadaan yang boleh di-sesuaikan dengan keadaan zaman yang bertukar2 keadaan-nya dan sa-baleknya jika kesihatan kita terganggu bukan sahaja hidup kita terancham tetapi yang kita punyai samada kekayaan atau kedudokan tidak akan kita nekmati sa-penoh-nya.

"Begitu-lah mahal-nya harga kesihatan itu, sebab itu-lah perlu kita usahakan untok menjadikan kita sentiasa di-dalam keadaan sehat walafiat", ujar Yang Berhormat dengan nada penoh harapan.

Antara lain usaha2 untok menchapai kesihatan yang baik itu, kata Yang Berhormat lagi, kita perlu-lah mengamalkan gerak badan yang bersesuaian dengan kehendak pertumbohan badan kita termasok-lah menjalankan kerja yang menggunakan urat anggota, mengamalkan latehan senaman sa-bagai hobi harian.

## Piala Malaysia:

# Brunei seri dengan Kelantan




BANDAR SERI BEGAWAN. — Sunggoh pun bermain dengan hanya sa-puloh orang namun pasokan Brunei telah dapat memberikan tentangan yang hebat kapada pasokan Kelantan dalam perlawanan siri Piala Malaysia yang telah di-adakan di-Padang Besar di-sini pada hari Isnin minggu lalu.

Pengadil pada petang itu memerentahkan keluar Pengiran Rosli sa-telah berlaku kekasaran di-minit ke-40 dalam separoh masa pertama. Walau pun kehilangan pemain pertahan-an-nya, pasokan Brunei telah bermain dengan lebeh berhati-hati menghalang serangan2 Kelantan dan sekali sekala membuat serangan balas ka-kubu Kelantan.

Kelantan merupakan pasokan yang pertama di-temui Brunei sejak pasokan kebangsaan kita itu kembali dari menyertai kejohanan bolasepak Pra-Olimpik. Dari kechemerlangan mereka bermain di-kejohanan itu-lah maka pasokan Brunei telah di-beri perhatian berat oleh pasokan2 yang bakal menemui-nya.

Di-awal permainan Brunei telah membuat serangan bertubi2 ka-kubu Kelantan. Barisan depan Brunei telah memperlihatkan kemampuan-nya terutama dari penyerang utama Brunei, Roslan Haji Suhaili dan midfielder Ahmad Metarsad, yang beberapa kali telah dapat menembusi kubu pertahanan Kelantan.

Peluang ke-emasan Brunei di-separoh masa pertama ia-lah hasil gerakan dari Roslan yang berjaya menembusi kubu Kelantan dan membuat rembatan jarak dekat tetapi tendangan beliau terkena tiang gol.

Kelantan mengambil kesempatan ka-atas Brunei yang bermain dengan sa-puloh orang dengan mengator beberapa serangan merbahaya tetapi ketangkasan penjaga gol Bru[nei] Ali Haji Ismail dan [pe]main2 pertahanan yang [di]ketuai oleh Pengiran T[a]juddin telah mengeche[wa]kan penyerang2 Kel[an]tan. Di-minit2 akhir p[er]lawanan Brunei hamp[ir] mendapat jaringan gol [sa]kira-nya dua perchuba[an] dari Roslan tidak terbab[as].

Sa-hingga wisel penam[at] di-bunyikan kedua-dua p[a]sokan gagal untok me[n]jaringkan sebarang gol d[e]ngan berkeputusan Brune[i] Kelantan 0.



PENJAGA gol, Ali Haji Ismail sering memainkan peranan penting dalam menyelamatkan kubu Brunei saperti kelihatan di-gambar atas sa-waktu Brunei bertemu Kelantan pada Isnin lepas.

# Peraduan chator Daerah Tutong

PEKAN TUTONG. — Badan Jawatankuasa Chator Daerah Tutong akan menganjorkan Peraduan Chator Perseorangan Terbuka sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan kali yang ke-34 tahun bermula pada 11hb Mei depan.

Perlawanan tersebut hanya terbuka kapada pemain2 chator di-daerah tersebut dan ia-nya di-anjorkan ada-lah bagi merebut Oskar yang di-korniakan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Semua perlawanan akan di-jalankan di-Dewan Kemasharakatan di-sini pada tiap2 hari Jumaat mulai 8.30 pagi dan hari Ahad 9.00 pagi.

Borang2 serta butir2 lanjut mengenai perlawanan tersebut boleh di-dapati daripada Awang Bakir bin Kunal, Pejabat Tanah, Tutong; Awang Larik bin Hidup, Radio Talivishen Tutong dan Awang Adanan bin Setia, MRS, Tutong Kem.

Dan borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 yang berkenaan tidak lewat dari hari Ahad 11hb Mei 1980.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI-JABATAN MUZIUM BRUNEI

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong yang berikut di-Jabatan Muzium, Brunei.

1. PEGAWAI PENYELIDEK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 tahun hingga 40 tahun dan sekurang2-nya mempunyai kelulusan Sijil 'Am Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dan boleh bertutor dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Di-antara kelulusan2 tersebut mesti-lah dalam mata pelajaran Sejarah.

b) Pemohon2 mesti-lah berkebolehan dalam menjalankan kerja2 penyelidekan, juga boleh mengarang artikel2 berbentok artikel akademik. Ujian akan di-kenakan kapada pemohon di-dalam bidang ini semasa di-temu duga.

**Tangga Gaji .**
C.2 EB.3—$1071-1109-1148-1186-1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

2. TUKANG PELAN/ PENGUKOR :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 yang berumor di-antara 18 tahun hingga 40 tahun yang mempunyai kelulusan sekurang2-nya Sijil 'Am Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Inggeris, Bahasa Melayu dan Ilmu Hisab.

ATAU

b) Mempunyai pengalaman melukis pelan dan juga mengukor di-Jabatan2 Kerajaan.

c) Satu ujian untok mengetahui kechekapan pemohon juga akan di-adakan.

**Tangga Gaji .**
D.3-4 EB.5 — $625-657-689-720 - 752-784-854-880-905-931 - 956-982-1007/EB/1046 - 1071 - 1097-1122.

3. PENOLONG PENYELIDEK ZAMAN PURBAKALA KANAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 tahun hingga 40 tahun dan sekurang2-nya mempunyai kelulusan Sijil 'Am Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya dan boleh bertutor dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Di-antara kelulusan2 tersebut mesti-lah dalam mata pelajaran Sejarah.

ATAU

b) Telah berkhidmat di-sa-sebuah Pejabat Muzium Brunei, sekurang2-nya 3 tahun dan mengetahui serba sedikit hal ehwal kerja kajipurba dengan mengechualikan kelulusan persekolahan.

**Tugas2 :**
Chalon2 yang berjaya akan bertugas bermalam di-daerah2 pendalaman dan berkhemah selama kerja pengalian di-adakan di-semua kerja2 bahagian Kajipurba yang di-arahkan dari masa ka-semasa.

**Tangga Gaji :**
C.2-3 EB.4—$1071-1109-1148-1186-1224 - 1275 - 1326 - 1377 - 1428-1479 - 1530 - 1581 - 1632 - 1683/EB/1734-1785-1836-1887-1938.

4. PEGAWAI LUAR KESENIAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 tahun hingga 40 tahun.

b) Pemohon mesti-lah berkelulusan sekurang2-nya Brunei Cambridge G.C.E. 'O' Level. Di-antara mata-pelajaran-nya ia-lah Inggeris, Bahasa Melayu, Ilmu Hisab dan faseh bertutor dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

c) Pemohon mesti-lah sa-orang lelaki yang bersedia bertugas keluar ka-Kampong2 bila2 masa di-arahkan.

ATAU

d) Telah berkhidmat di-Jabatan2 Kerajaan sekurang2-nya lima tahun dan berpengalaman baik luar bandar dan kampong2 dan tahu serba sedikit tentang kerja2 Kesenian dan Seni Ukir pertukangan tangan Brunei.

**Tangga Gaji :**
D. 3-4 EB.5 — $625-657-689-720 - 752-784-854-880-905-931 - 956-982-1007/EB/1046 - 1071 - 1097-1122.

5. PEGAWAI FOTO :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah juru gambar2 yang terlateh dan berpengalaman dalam kerja2 menchuchi filem dan gambar dan juga memberseh gambar dan lain2. Satu ujian untok mengetahui kechekapan pemohon akan di-adakan.

**Tangga Gaji :**
D. 3 EB. 4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007 - 1046 - 1071-1097-1122.

6. PEBANTU SERANGGA :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 tahun hingga 30 tahun sekurang2-nya mempunyai kelulusan Sijil 'Am Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya. Di-antara kelulusan pelajaran mesti-lah kepujian dalam mata-pelajaran saperti Physic, Chemistry atau Science dan juga Bahasa Melayu dan Inggeris.

b) Pemohon2 mesti-lah juga mengetahui tentang daerah2 pendalaman dan sanggup untok bermalam serta berkhemah di-hutan2 pendalaman. Pemohon yang chendrong dengan pengumpulan serangga adalah di-beri keutamaan.

**Tangga Gaji :**
D.1-2-3 EB.4—$370-383-395-408 - 421-434-446-465-485-504 - 523 - 542-561-625-657-689-720 - 752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007.

7. PENOLONG PENYELIDEK :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 18 tahun hingga 30 tahun dan mempunyai sekuran2-nya Sijil 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa). Mendapat kepujian dalam mata-pelajaran Inggeris, Bahasa Melayu dan Sejarah atau yang sebanding dengan-nya.

b) Chalon2 yang faseh ber bahasa daerah dan juga pandai mengarang akan di-beri keutamaan.

**Tangga Gaji :**
D. 1-2-3 EB. 4-5 — $370-383-395-408-421-434-446-465 - 485 - 504-523-542-561-625-657 - 689 - 720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007 - 1046 - 1071-1097-1122.

2. PEMBANTU MUZIUM :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon hendak-lah saorang lelaki yang berumor di-antara 18 tahun hingga 50 tahun dan lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

b) Berminat dalam kerja2 luar (Field Work) dan penyelidikan.

c) Telah berkhidmat di-sesebuah Pejabat Muzium sekurang2-nya selama 3 tahun di-mana2 bahagian.

D. 1-2 EB. 3-4-5 — $370-383-395 - 408-421-434-446-465-485 - 504-523-542-561/E B/625-657 - 669 - 720-752-784-854-880-905 - 931 - 956-982-1007-1046 - 1071-10971122.

9. PENJILID BUKU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Berumor di-antara 18 dan 35 tahun dan berkelulusan sekurang2nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengan-nya.

b) Chendrong serta tabah dalam menjalankan kerja2 menjilid.

**Tangga Gaji :**
D. 1 EB. 2-3 — 370-383-395-408-421-434/E B/446-465-485 - 504 - 523-542-561-625-657-689 - 720-752-784.

10. ATENDAN DEWAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah lelaki dan berumor di-antara 18 tahun hingga 30 tahun dan mesti-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sebanding dengan-nya. Bagi chalon2 dari aliran Melayu Keutamaan akan di-beri jika pandai bertutor atau menulis Bahasa Inggeris.

**Tangga Gaji :**
Dalam sukatan gaji F1-2-3-4-5 EB. 6 — $306-312-319-325-332-338-344-351-357-363-370 - 376-383-389-395-402-408-414 - 427 - 440 /EB/453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 10hb Mei, 1980.

(E/251/80)
Bil : 35/1980)

## Jawatan2 Dalam Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. MERINYU PERANCHANG KANAN :

(di-Pejabat Peranchang Bandar dan Desa)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Keutamaan akan di-beri saperti berikut :—

a) Kapada chalon2 yang mempunyai kelulusan dalam lima mata-pelajaran G.C.E. (Perengkat Biasa) dan tiga tahun pengalaman praktikal dalam penyeliaan kerja2 benaan dan di-tempat2 benaan termasok-lah menyelia pekerja2 di-bawah jagaan-nya.

ATAU

b) Kapada chalon2 yang mempunyai sekurang2-nya tujoh tahun pengalaman praktikal dalam penyeliaan kerja2 benaan dan di-tempat2 benaan dan/atau kerja2 mengawal peranchangan yang mana sekurang2-nya dua tahun daripada tempoh tersebut mesti-lah dalam jawatan penyelia pekerja di-bawah jagaan-nya.

Chalon2 mesti-lah tahu mentafsir lukisan2 pelan akitek. bangunan, ukor dan kejuruteraan. Mereka mesti-lah mempunyai kebolehan menyelia pekerja2 di-bawah jagaan mereka dan boleh membuat laporan2 dengan jelas dan ringkas.

**Umor :**
Di-antara 25 hingga 45 tahun.

**Tangga Gaji :**
Dalam sukatan gaji C.2 EB.3 — $1071-1109-1148-1186-1224-1275-1326 - 1377 - 1428 / E B / 1479-1530-1581-1632-1683.

2. POMEN FITAR ELEKTRONIK LAUT :
(di-Askar Melayu Diraja Brunei)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 22 hingga 45 tahun.

b) Mesti-lah mempunyai Diploma atau kelulusan daripada Sekolah Pertukangan Industrial Training Institute dalam jurusan Elektronik Laut atau yang sebanding dengan-nya.

c) Mempunyai pengalaman dalam bidang Fitar Elektronik sekurang2-nya salama lima tahun.

d) Lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu dan Tingkatan III Inggeris atau yang sebanding dengan-nya.

e) Boleh memahami pelan2 lukisan kejuruteraan. Chalon2 akan di-uji bagi menentukan tentang kechekapan masing2.

**Tangga Gaji :**
Dalam sukatan gaji D. 5 EB. 6 — B$1046-1071-1097-1122 / EB / 1148 - 1173 - 1199 - 1224.

3. JURU MESIN TINGKAT I :

(di-Jabatan Pasokan Bomba)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 mesti-lah telah mendapat latehan di-Sekolah Pertukangan Kerajaan atau B.S.P. atau mempunyai pengalaman dalam Auto Engineering di-mana2 Bengkel.

**Tugas2 :**
Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki, jika perlu, untok bekerja pada bila2 masa salepas waktu bekerja untok membaiki kerosakan2 kechil.

**Pakaian Seragam :**
Pemohon yang berjaya dihendaki memakai pakaian seragam Pasokan Bomba saperti yang di-arahkan oleh Pengawal Pasokan Bomba.

**Tangga Gaji :**
Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

4. PENJAGA :
(di-Jabatan Kebajikan, Belia dan Sokan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah sa-baik2-nya berumor di-antara 30 dan 40 tahun dan mempunyai badan yang sehat dan tegap.

**Tugas2 :**
Chalon2 yang berjaya akan di-kehendaki bekerja dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi dan akan mengawasi keadaan harta benda di-tempat ia-nya di-tugaskan.

**Tangga Gaji :**
Dalam sukatan gaji F1-2 EB3 — $306 - 312-319-325-332-338-344 - 351/EB/357-363-370-376-383.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak dari lewat dari 19hb Mei, 1980.

(E/223/80)
(Bil : 37/1980)

## Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. PEMBANTU JURU-TEKNIK TERLATEH :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Chalon2 mesti-lah berkelayakan Darjah Teknishen City & Guild di-dalam perkara2 yang berkenaan tertaalok mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman di-bidang pemeliharaan Electro-Mechanical/Electronic Instruments.

b) Chalon2 yang berjaya akan bertugas di-bahagian Pemeliharaan alat2 perkakas/Electric Rumah Sakit.

**Sukatan Gaji :**
Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $ 854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

2. TUKANG KAYU :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman sebagai Tukang Kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebeh rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai tukang kayu akan juga di-pertimbangkan.

Pemohon2 mesti-lah boleh:—

a) Menyediakan pelan2 yang senang dan rengkas serta membuat kerja2 itu.

b) Menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlukan untok (a) di-atas.

**Sukatan gaji :**
Dalam sukatan gaji E. 2-3 EB. 4 — $408-421-434-446-459-472-485-497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-574-587-599.

3. TALIPON OPERATOR :

**Kelayakan2 :**

a) Mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan Tingkatan II Inggeris.

b) Mesti-lah terdiri daripada lelaki dan berumor di-antara 18 dan 25 tahun.

Chalon2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas sechara bergilir2 siang dan malam.

**Sukatan Gaji :**
Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-510-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 29hb Mei, 1980.

(E/702/77 — Bil : 38/1980)

## Sa-bagai Juruteknik Kanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Juruteknik Kanan Makmal di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**
Chalon2 mesti-lah mempunyai Sijil 'Am Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya dan telah menjalani latehan dalam bidang kimia sa-lama sekurang2-nya dua tahun serta memperolehi sijil kechekapan. Chalon2 mesti-lah pernah berkhidmat sa-bagai Pembantu Makmal dalam makmal menganalisa kimia atau memegang jawatan yang sama dengan-nya sa-lama sekurang2-nya lima tahun.

**Tangga Gaji :**
C. 2 EB. 3 — B$1071-1109-1148-1186 - 1224 - 1275 - 1326 - 1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**
Chalon2 yang bukan terdiri dari raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 31hb Mei, 1980.

(E/853/72)
(Bil : 32/1980)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board, at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building Bandar Seri Begawan, Brunei up to 12.00 noon on Tuesday, 29th April 1980 for :—
SUPPLY AND DELIVERY OF SWIMMING POOL TILES, GRATINGS, DIVING BOARD AND ACCESSORIES FOR THE GYMNASIUM AND SWIMMING POOL AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT FLOTILLA BASE, MUARA.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders are to be placed in a sealed envelope bearing no indication of the name and address of the Tenderer, marked clearly "TENDER FOR SUPPLY AND DELIVERY OF SWIMMING POOL TILES, GRATINGS, DIVING BOARD AND ACCESSORIES FOR THE GYMNASIUM AND SWIMMING POOL AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT FLOTILLA BASE, MUARA".

4. Tender Documents may be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, Room 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kiangeh, Bandar Seri Begawan from 16th April 1980 during normal working hours.

5. The Tender Deposit will be $500.00 (Dollars : Five Hundred Only) which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6. Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JAWATAN2 DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PENOLONG PEGAWAI PEPEREKSAAN :
(di-Jabatan Pelajaran)

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai kelulusan sekurang2-nya 4 mata-pelajaran Sijil 'Am Pelajaran Brunei Cambridge/London G.C.E. Perengkat Biasa dalam sekali dudok pepereksaan tersebut dan mendapat pangkat lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Melayu atau telah mendapat Sijil Penoh Cambridge School Certificate/Malaysian Certificate of Education (M.C.E. aliran Inggeris) dan mendapat pangkat lulus dalam Bahasa Inggeris.

b) Pemohon2 mesti-lah telah berkhidmat sekurang2-nya sa-lama lima tahun dalam perkhidmatan Kerajaan. Mempunyai pengalaman dalam kerja2 urusan mentadbir sekolah.

c) Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang boleh menguasai dua bahasa ia-itu Melayu dan Inggeris.

d) Pemohon2 mesti-lah bersedia berkhidmat di-mana2 saja di-dalam negeri.

**Tangga Gaji :**
T. 3—$1058-1097-1135-1173-1211 - 1250 - 1301 / EB / 1339 - 1377-1415-1454-1492.

2. PENULIS SEKERIP/ PENOLONG SEKERIP :
(di-Radio Talivishen)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Lulus Siji 1 'Am Pelajaran (Perengkat Biasa) atau yang sebanding dengan-nya dan mempunyai pengalaman sabagai Penolong Sekerip untok ranchangan2 radio atau talivishen.

**Tangga Gaji :**
C.1-2 EB.3—$944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

3. PEMBANTU TEKNIK KANAN :
(di-Jabatan 'Perikanan)

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Mempunyai City and Guilds Intermediate Certificate dalam mata-pelajaran2 yang berkenaan atau mempunyai kelulusan yang sebanding dengan-nya.

b) Mempunyai sekurang2-nya empat tahun pengalaman praktikal dalam salah satu atau lebeh dari bidang pekerjaan yang berikut:—
Kejuruteraan Jentera,
Kejuruteraan Letrik,
Kejuruteraan Jentera2 Penyejok.

**Tugas2 :**

Mengawas kerja2 teknikal ka-atas jentera, pum2, motor dan injin. Penyelenggaraan dan pengurusan kenderaan. Mengawas pekerja2 di-bawah jagaan-nya dan tugas harian mereka.

**Tangga Gaji :**

C.1-2 EB.3—$944-982-1033-1071-1109 - 1148 - 1186 - 1224 - 1275-1326-1377-1428/EB/1479-1530-1581-1632-1683.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb Mei, 1980.

(E/1366/76 — Bil : 31/1980)

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at the office of State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from P.W.D. Registered Class 'A' Contractors up to 12.00 noon on Tuesday 13th May 1980 for the Construction and Completion of : —
SUB-STRUCTURE WORKS FOR BRUNEI NATIONAL STADIUM
2. Tender Documents including Bills of Quantities can be examined at and obtained only from 21st April 1980 onwards during normal office hours from the office of the Architects : —
SINGAPORE ASSOCIATE ARCHITECTS
Room 16, 2nd Floor
Hongkong Bank Chambers
Jalan Chevalier/Sultan
Bandar Seri Begawan
Brunei
3. Prior to the issue of the Tender Documents, all tenderers are required to : —
3.1 produce evidence of their P.W.D. registration status
3.2 show documentary evidence of having complied with the Government requirement of Financial Guarantee.
4. The Tender Deposit required is $1000.00 which is in the form of a cheque and shall be made payable to the Architects. This Deposit is refundable to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all Tender Documents in good condition to the office of the Architects.
5. Tenders shall be submitted on the Form of Tender and enclosed in pre-typed envelopes provided and properly sealed. There must be no indication of the name and address of the tenderer on the envelopes.
6. Tenders received after the above stipulated closing time and date will be rejected.
7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad

## MEMPELAWA TAWARAN

SHARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD mempelawa tawaran2 dari pemborong2 yang di-benarkan oleh Sharikat M.S.B. bagi : —

**KATEGORI 7 —**
**TAWARAN No. LEN/047-80**
Mengadakan satu pasokan perkhidmatan memperbaiki, terdiri dari sa-orang Pengawas Kejuruteraan, enam orang Juru Letrik mahir dan empat orang Juru Letrik separoh mahir bagi Jabatan Kejuruteraan Letrik (LEN/2) di-Brunei LNG Ltd., Lumut.
Bagi maklumat lebeh lanjut, lihat-lah Kenyataan2 Tawaran di-Papan2 Kenyataan Tawaran Sharikat M.S.B.

## Brunei Shell Petroleum Co., Ltd.

## INVITATION TO TENDER

BRUNEI SHELL PETROLEUM COMPANY LIMITED invites tenders from B.S.P. approved contractors for :

**CAT. 7 —**

**TENDER No. LEN/047-80**
To provide a servcie team, comprising of one Engineering Supervisor, six skilled Electricians and four semi-skilled Electricians to Electrical Engineering Department (LEN/2) at Brunei LNG Ltd., Lumut.
For further information please refer to Tender Notices on B.S.P. Tender Notice Boards.

## PREQUALIFICATION TO TENDER THE SUPPLY AND INSTALLATION OF 2 NOS. ELECTRONIC SCOREBOARDS FOR THE BRUNEI NATIONAL STADIUM

APPLICATIONS are invited from specialist contractors who may wish to be prequalified for the following works : —

**"Supply and installation of Scoreboards to the Brunei National Stadium consisting of two (2) units of electronic video matrix scoreboard, complete with all control, auxiliary equipment and all associated works."**

Interested contractors are requested to provide full informations giving details as listed below:
1) Contractor must either be a manufacturer or a joint venture between manufacturer and their agents or representative.
2) Financial status of the firm for the last 3 years.
3) Details of technical personnel.
4) List of similar works carried out in the last 5 years.
5) Arrangement for after sale services and maintenance.

Application to be submitted and reached the address below not later than 5th May, 1980.
The Director,
Public Works Department,
Bandar Seri Begawan,
Brunei
with a copy to
Leeng Consulting Engineers,
P. O. Box 2257,
Bandar Seri Begawan,
Brunei
Singapore Associate Architects,
P. O. Box 1624,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

## PREQUALIFICATION TO TENDER THE SUPPLY AND INSTALLATION OF FLOOD LIGHTING FOR THE BRUNEI NATIONAL STADIUM

APPLICATIONS are invited from specialist contractors who may wish to be prequalified for the following works : —

**"Supply and installation of Flood Lighting to the Brunei National Stadium consisting of four (4) lighting towers, complete with all control, auxiliary equipment and all associated works."**

Interested contractors are requested to provide full informations giving details listed below:
1) Contractor must either be a manufacturer or a joint venture between manufacturer and their agents or representative.
2) Financial status of the firm for the last 3 years.
3) Details of technical personnel.
4) List of similar works carried out in the last 5 years.
5) Arrangement for after sale services and maintenance.

Application to be submitted and reached the address below not later than 5th May, 1980.
The Director,
Public Works Department,
Bandar Seri Begawan,
Brunei
with a copy to
Leeng Consulting Engineers,
P. O. Box 2257,
Bandar Seri Begawan,
Brunei
Singapore Associate Architects,
P. O. Box 1624,
Bandar Seri Begawan,
Brunei

## PUBLIC WORKS DEPARTMENT TENDER NOTICES

**No. 52 OF 1980**
TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th April, 1980 for : —
SUPPLY OF FURNITURE FOR NEW HOSPITAL AT KG. KIULAP, BRUNEI :—
i. STUDENT NURSES HOSTEL
ii. TRAINED NURSES FLATS
iii. NURSES AND MIDWIVES TRAINING CENTRE
iv. KITCHEN STUDENT NURSES HOSTEL

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 53 OF 1980**
TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th April, 1980 for : —
PROPOSED RIVER IMPROVEMENT BEHIND LAND TRANSPORT, JALAN GADONG, BRUNEI.
Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 54 OF 1980**
TENDERS will be received from Class "C" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th April, 1980 for : —
PROPOSED STANDBY GENERATOR ROOM FOR THE MIDWIFE'S CLINIC AT KAMPONG TANJONG MAYA, TUTONG.
Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 55 OF 1980**
TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 29th April, 1980 for : —
CONSTRUCTION OF A REINFORCED CONCRETE BOX CULVERT 4'-0"X 6'-0"X160' AT JALAN KEBANGSAAN — BERAKAS LINK ROAD, BRUNEI.
Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 56 OF 1980**
TENDERS will be received from Class "AX" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th May, 1980 for : —
SITE CLEARING AND SUPPLY AND DELIVERY OF EARTHFILL FOR THE PROPOSED JALAN TUNGKU LINK UP TO THE SOUTHERN END OF NEW INTERNATIONAL AIRPORT, BRUNEI.
Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 57 OF 1980**
TENDERS will be received from Class "A" only P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th May, 1980 for : —
PROPOSED SEKOLAH MELAYU PINTU MALIM COMPLEX AND ANCILLARY WORKS AT JALAN KOTA BATU, BRUNEI.
Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 58 OF 1980**
TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th May, 1980 for : —
CONSTRUCTION OF PROPOSED 4 Nos. REINFORCED CONCRETE STEPS AT TANAH PERKUBORAN SUBOK, JALAN RESIDENCY AND MAKAM DIRAJA OFF JALAN TUTONG MILE 1½, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI.
Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 59 OF 1980**
TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th May, 1980 for : —
CLEARING AND GRUBBING SITE OF PROPOSED RESETTLEMENT AREA AT KAMPONG SERASA MUARA, BRUNEI.
Tender documents and all particular may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 60 OF 1980**
TENDERS will be received by the Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 13th May 1980 for : —
THE SUPPLY AND ERECTION (SOME ITEMS ONLY) OF WORKSHOP EQUIPMENT FOR THE GOVERNMENT RICE PROJECT WORKSHOP AT LIMAU MANIS. THE EQUIPMENT INCLUDES A MECHANICAL LUBRICATING UNIT, MACHINE TOOLS, JACKS, PRESSES AND HAND TOOLS. TENDERS WILL BE CONSIDERED FOR EITHER PART OR ALL OF THE ITEMS REQUIRED.
Tender documents may be seen and all particulars obtained at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**No. 61 OF 1980**
TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei registered contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 6th May, 1980 for : —
THE CONSTRUCTION OF DRAINAGE SYSTEM AND ANCILLARY WORKS AT ACCESS ROAD TO MASJID AT TANJONG MAYA, OFF JALAN TUTONG, MILE 32 BRUNEI.
Tender documents and all particulars may be seen at the office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

**TENDER FOR MAINTENANCE OF LANGUAGE LABORATORY EQUIPMENT**

TENDERS are invited for a two-year contract for the maintenance of Language Laboratory Royal Brunei Malay Regiment, Training Centre, Bolkiah Camp. Detailed contract conditions can be obtained from DAQMG 2 Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison. The equipment can be viewed at the Language Wing, Training Centre, Bolkiah Camp any time during working hours.

Tenders to be submitted to the Chairman, Brunei Tender Board, State Financial Officer, Bandar Seri Begawan by 24th April 1980.

## THE STATE SECRETARIAT, INFORMATION SECTION — TENDER NOTICE

TENDERS will be received by The Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later then 30th April, 1980 at 12.00 noon for the supply of:-
1) One Unit Mini Bus for 17 to 25 seaters.
2) Two Units Land Cruisers LWB and One Unit Micro Bus.

2. Tenders submitted must be accompany catalogues complete with prices CIF Brunei and the cost including lettering the name "STATE SECRETARY'S DEPARTMENT, INFORMATION SECTION" on both sides of the vehicles, and this is also include the cost of the colour scheme as required by the department.

3. Tenders for the Mini Bus, Land Cruisers and Micro Bus must contain full details of its specifications according to the regulations issued by the Land Transport Department Brunei.

4. Tenders must be placed in plain sealed envelopes. There must be no indication on the cover of the names of the Tenderer and shall be marked "TENDER FOR LAND CRUISERS AND BUSES FOR THE INFORMATION SECTION OF THE STATE SECRETARIAT, BRUNEI."

5. Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## Di-Jabatan Pelabohan, Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelabohan2, Brunei.

1. FORMAN WORKSHOP :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang telah tamat satu perlatehan di-dalam kejuruteraan mekinikal dalam pertubohan yang di-luluskan atau tiga tahun kursus penoh masa di-sekolah teknikal yang di-akui dan mempunyai kelayakan City and Guilds di-dalam Pengajian2 Automotif.
b) Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya mempunyai empat tahun pengalaman praktikal dalam kerja2 automotif atau peralatan berat sa-masa menamatkan perlatehan atau mendapatkan kelayakan.
c) Pemohon2 mesti-lah berpengalaman dalam pemeliharaan dan membaiki enjin2 disil.
d) Pemohon2 hendak-lah bersedia untok bertugas di-kawasan Muara.

**Tangga Gaji :**

D. 4 EB. 5 — $854-880-905-931-956-982-1007 / EB / 1046 - 1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. TUKANG KAYU TINGKAT I :

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun dan telah tamat Darjah V Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya enam tahun sa-bagai tukang kayu penoh masa atau memileki Sijil City and Guilds Perengkat Tertinggi dalam Pertukangan Kayu.
c) Pemohon2 mesti-lah chekap dalam menggunakan perkakas2 letrik dan alat2 perkakas pertukangan kayu.
d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang tinggal di-kawasan Muara.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji E. 1-2-3 EB. 4 — $357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497-516-523 /EB/ 536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 17hb Mei, 1980.

(E/249/76)

(Bil : 36/1980)

## Sa-bagai Penyelia Jururawat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untok jawatan Penyelia Jururawat Kesihatan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 :**

Pemohon2 hendak-lah mempunyai kelulusan2 yang berikut:—

a) S.R.N.
b) S.C.M.
c) Sijil Pelawat Kesihatan dan Diploma in Advanced Nursing Administration.

**Pengalaman :**

Chalon2 hendak-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman bekerja sa-bagai Ketua Jururawat Kesihatan.

**Tugas2 :**

a) Chalon2 yang berjaya (perempuan) akan bertanggong-jawab kapada Pegawai Perubatan Kesihatan untok menyelia, mengawal dan mengator tugas2 semua jururawat2 Bahagian Kesihatan dan perbidanan dan lain2 perkara yang mungkin berbangkit dari masa ka-semasa.
b) Dia hendak-lah menyelaraskan semua aspek kerja2 Rawatan Kesihatan dan berkerjasama dengan Pegawai Perubatan Kesihatan.
c) Dia hendak-lah juga berhubong rapat dengan Pengetua Jururawat Jabatan Perubatan dan Kesihatan mengenai semua perkara2 yang berkaitan dengan Perbidanan dan Pengambilan jururawat bahagian Kesihatan.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji M. 12 —B$2053-2129-2206-2282/EB/ 2359-2435-2512-2588-2665. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji satelah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 24b Mei, 1980.

(E/1881/76)
(Bil : 34/1980)

### TAWARAN KERUSI MEJA LEMBAGA PEPEREKSAAN

1. TAWARAN2 ada-lah di-pelawa dari pembekal2 bagi membekalkan kerusi dan meja yang boleh di-lipat untok orang dewasa.

2. Keterangan2 lanjut mengenai dengan perkara ini boleh di-perolehi di-Pejabat Lembaga Pepereksaan pada bila2 masa Pejabat di-buka.

3. Tawaran2 hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat tertutop dengan di-tulis "TAWARAN KERUSI MEJA LEMBAGA PEPEREKSAAN" dan hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Brunei tidak lewat 3 minggu dari tarikh notis tawaran ini di-siarkan ia-itu dari 23hb April hingga 14hb Mei, 1980.

4. Pembekal2 hendak-lah bersedia membaiki jika terdapat sebarang kerosakan dalam tempoh enam bulan kerusi meja tersebut di-terima oleh Pejabat Lembaga Pepereksaan.

5. Tawaran2 yang berjaya ada-lah di-kehendaki menghantar kerusi meja tersebut di-Pejabat Lembaga Pepereksaan tidak lewat dari dua bulan dari tarikh menerima tawaran berkenaan.

### TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited for the supply of Teakwood Wardrobes Qty 400 to the Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp.

2. Tender should state price and delivery time. Enquires on specification can be made to DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

3. Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan at 4.00 p.m. Thursday 24th April 1980.

4. Tender must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF TEAKWOOD WARDROBES TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT BERAKAS CAMP".

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### NOTIS TAWARAN LEMBAGA BANDARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis2 (night-soil) sa-banyak 274 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 299 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sa-belah malam bagi enam bulan (Julai hingga Disember, 1980).

2. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2, Bandar Seri Begawan, sa-hingga jam 4.00 petang pada Hari Isnin, 28hb April, 1980. Tawaran yang di-terima sasudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah di-masokkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang tertutop. Maka di-muka sampol itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama Penawar.

4. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penoh saperti di-terangkan di-fasal 2).

5. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-sampol surat itu dan perkataan-nya mesti-lah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI-DALAM KAWASAN2 LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

6. Surat perjanjian mengandongi peratoran2 atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis, dapat di-lihat di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua pemandu akan di-sediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait, untok melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran.

## Di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

1. MERINYU KESIHATAN:

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

Pemohon2 mesti-lah berumor sekurang2-nya 20 tahun tetapi tidak lebeh dari 45 tahun dan mereka mesti-lah mempunyai Sijil dari Royal Society of Health atau kelulusan yang sebanding dengan-nya.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 3 EB.4-5—$625-657-689-720-752-784 /EB/ 854-880-905-931-956-982-1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

2. MERINYU KESIHATAN PERCHUBAAN :

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

Pemohon2 berumor antara 18 hingga 30 tahun, mesti-lah lulus pepereksaan Brunei Cambridge G.C.E. (Perengkat Biasa), atau yang sebanding dengan-nya, termasok lulus dalam Bahasa Inggeris DAN sama ada satu mata-pelajaran Sains 'Am atau pun lulus dalam mata-pelajaran2 lain menchukopi dalam pepereksaan G.C.E. yang boleh di-terima untok latehan lanjutan.

**Tangga Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1 EB.2-3—$370-383-395-408-421-434 /EB/ 446-465-485-504-523-542-561-625-657-689-720 - 752 - 784. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang di-pileh akan di-lantek dalam perchubaan salama tiga tahun dan dalam tempoh ini mereka mesti-lah memperolehi Sijil dari Royal Society of Health. Mereka akan di-hantar ka-Singapura dengan perbelanjaan Kerajaan untok menjalani latehan.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 12hb Mei, 1980.

(E/308/60/3)
(Bil : 33/1980)

### TENDER NOTICE

1 TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawn, Brunei from PWD registered Class "A" contractors for the construction and completion of the above-noted works up to 12.00 noon on Tuesday 6th May 1980.

2 Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3 Tenders shall be submitted in sealed envelopes provided, bearing no indication of the name of the tenderers and the said envelopes shall be marked clearly "TENDER FOR LOGISTICS DEPOT AT THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT BOLKIAH".

4 Drawings and Bill of Quantities may be obtained from the office of Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, Room 406, Bangunan Guru2 Melayu Brunei, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan from 16th April 1980 during normal office hours.

5 The Tender Deposit will be $10,000.00 (Dollars Ten Thousand Only) which will be refundable to each unsuccessful tenderer but forfeited from any tenderer who fails to submit a tender and/or fails to return the Tender Documents to the Architect before the closing date.

6 Prior to the issue of the tender documents each tenderer will be required to : —

(1) produce documentary evidence that he is a PWD registered Class 'A' contractor;
(2) produce documentary evidence that he has complied with the latest Government requirement in respect of the Financial Guarantee;
(3) produce a letter from his Brunei bank (the said bank being a well-known and stable bank) stating that in the event of his tender accepted the stid bank will furnish him with a banker's guarantee (in the sum of approximately $1,200,000) in accordance with the Conditions of Contract.

7 Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.

8 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### TENDER NOTICE

**TENDER FOR AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED PIPE BAND BLOCK AT ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT TUTONG**

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Class 'B' Contractors or above up to 12.00 noon, on 20th May 1980 (Tuesday).

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR AIR-CONDITIONING INSTALLATION FOR PROPOSED PIPE BAND BLOCK AT ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT CAMP AT TUTONG".

4. Tender documents may be obtained from the office of Messrs. Brisma Inetrnational Consultants, Room 15, Hong Kong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 23rd April 1980 onwards during normal office hours.

5. The tender deposit shall be B$500.00 (Brunei Dollars : Five Hundred Only) in the form of Bank Draft in the name of the Government of Brunei. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderer and shall be paid to the Government.

The tender deposit shall be returned to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have returned the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's Office.

6. Prior to the issue of tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a Class 'B' Air-Conditioning Contractor or above.

7. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### KURSUS2 DI-PUSAT LATEHAN KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN, BRUNEI

PEMOHON2 ada-lah di-pelawa untok mengikuti kursus2 yang tersebut di-bawah di-Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan, Brunei dan mereka yang mempunyai kelayakan dan sharat2 di-bawah ini akan di-pertimbangkan :

(1) KURSUS PERTUKANGAN PERAK — LELAKI DAN PEREMPUAN
(2) KURSUS PERTUKANGAN TEMBAGA
(3) KURSUS TENUNAN — PEREMPUAN — LELAKI
(4) KURSUS ANYAMAN/SONGKOK — PEREMPUAN

**Kelayakan2**

(i) Hendak-lah lulus sekurang2-nya Tingkatan I Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
(ii) Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang lulus mata2-pelajaran Ilmu Hisab dan Lukisan.
(iii) Jika sa-orang pemohon tidak memenohi sharat (i) dan (ii) boleh-lah di-pertimbangkan.

**Sharat2 :**

(a) Hendak-lah terdiri dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.
(b) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon yang berumor di-antara 17 tahun hingga 30 tahun dan maseh bujang.
(c) Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pileh menerusi satu temu duga.
(d) Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebeh dahulu lulus pepereksaan doktor.
(e) Satu Perjanjian akan di-kenakan kapada sa-tiap pemohon yang berjaya dalam mengikuti kursus ini.
(f) Pemohon2 akan di-kehendaki mengikuti latehan sahingga mendapat kemahiran dalam tempoh waktu lebeh kurang dua (2) tahun.
(g) Apabila mendapat kemahiran pelateh2 akan di-kehendaki menjadikan pertukangan ini sa-bagai salah satu mata pencharian mereka.

**Alaon dan lain2 Kemudahan:**

(a) Sa-masa dalam latehan pemohon2 yang berjaya akan di-beri alaon sa-banyak $240.00 sa-bulan serta 10 peratus net profit daripada harga hasil2 mereka yang di-beli oleh Pusat Latehan Kesenian dan Pertukangan Tangan.

**Borang Permohonan:**

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang yang boleh di-dapati dari Pejabat Muzium, Kota Batu, Brunei pada bila2 masa waktu Pejabat di-buka dan hendak-lah di-kembalikan dan sampai kapada Pengarah Muzium2, Brunei selewat2-nya pada 15hb Mei, 1980.

# Fahami dan yakini bahawa keduniaan di-iktiraf ugama

Dari muka 1

Dari sini tambah Awang Haji Badaruddin akan mendorongkan mereka untok menolak sikap burok, keji dan chemar bagi membolehkan mereka menjadi warga negara yang baik bukan saja berdisiplin dan berundang-undang malah juga berdisiplin dan patoh menyempurnakan surohan Allah.

"Dengan itu tidak mungkin ada sa-barang perchanggahan antara pergerakan pengakap dengan ajaran ugama atau tidak akan mungkin ahli2-nya terasoh mempunyai dua personaliti: yang satu di-sebut asohan sekular dan satu lagi di-sebut asohan religious", terang-nya.

Trend ugama dan keduniaan, jelas Awang Haji Badaruddin lagi, belum ketara mempengarohi fikiran umom di-negeri ini kerana pendekatan perkembangan-nya di-atorkan dengan baik oleh Kerajaan dalam mana sa-chara perlahan boleh memahami dan meyakini bahawa keduniaan ada-lah di-iktiraf oleh ugama yang penchapaian-nya perlu di-selaraskan dengan ajaran Allah.

"Jika fahaman dan keyakinan begini terus di-kembangkan kita di-negeri ini akan terlepas dari kesebokan mempertikaikan sa-barang aliran menonjolkan secularism mengatasi ugama di-negeri ini," ujar-nya lagi.

Perkara itu kata-nya, merupakan satu kelebehan kita di-negeri ini untok di-jadikan sa-bahagian national pride yang pada keselurohan menerima lunas2 ugama dalam chara hidup dan yakin ia-nya mempunyai fungsi dalam sa-barang penchapaian kemajuan dan masa depan negara.

Kapada pergerakan pengakap, Awang Haji Badaruddin memberikan penghargaan dan perchaya yang pemimpin dan penggerak gerakan itu tidak akan mengabaikan peri mustahak-nya penekanan kapada asohan peribadi yang bisai dalam sa-tiap kegiatan.

Awang Haji Badaruddin seterus-nya mengingatkan supaya anggota pengakap tidak sa-kadar berserunok-serunok dalam menyertai gerakan itu dan mereka perlu yakin dari penyertaan demikian ia-nya merupakan satu peluang untok mereka menjadi warga negara yang baik.

"Maka dalam apa keadaan pun kamu jangan-lah lupa bahawa keyakinan yang sudah di-berikan oleh umom kapada pergerakan kamu ada-lah sa-benar-nya amanah yang wajib kamu pertanggong-jawabkan, bagi kesempurnaan tanggong-jawab kamu itu maka bersedia-lah memboktikan yang kamu ada-lah benar dan menepati JANJI kamu" tegas beliau mengingatkan.

## Temuduga untok dermasiswa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bahagian Dermasiswa dan Kesejahteraan Jabatan Pelajaran telah mula menemuduga pemohon2 derwasiswa kerajaan pada hari Selasa ini.

Pemohon2 yang telah memenohi peratoran2 yang di-berikan akan menghadhiri temuduga2 sa-tiap hari mulai pukol 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 2.00 hingga 4.00 petang sa-hingga 5hb Mei kechuali hari Jumaat dan Ahad.

Pemohon2 berkenaan ada-lah di-kehendaki datang ka-Bahagian tersebut untok mendapatkan jadual2 temuduga.



INI ia-lah bangunan masjid di-Kampong Setia, Kampong Ayer yang sedang dalam pembenaan.

Masjid yang menelan belanja kira2 $70,000 itu merupakan yang pertama di-bena di-Kampong Ayer dan boleh menampong kira2 700 orang jemaah.

Perbelanjaan bagi pembenaan masjid tersebut di-biayai oleh pendudok2 Kampong Setia A dan B di-bena sa-chara bergotong-royong oleh pendudok2 kampong tersebut.

Masjid tersebut di-jadualkan siap awal bulan Jun dan akan mula di-gunakan untok bersembahyang Hari Raya Aidil Fitri dalam bulan Ogos depan.

## Tugas pelajar bukan hanya menghafal pelajaran

Dari muka 1

yang di-chita2kan pada menerajukan negara di-masa2 yang akan datang.

"Memang itu-lah yang di-kehendaki oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei yang ketika ini sedang pesat memproses perkembangan kemajuan-nya", jelas-nya.

Kerana, kata-nya tugas sa-orang pelajar bukan sahaja sa-kadar menghafal pelajaran bahkan juga menghafal peranan dan sumbangan yang harus mereka berikan kapada negara sesuai dengan negeri kita yang sedang membangun.

Dato Haji Ahmad menjelaskan bahawa akhlak yang di-maksudkan di-sini bukan hanya sa-kadar mengadakan tata-tertib atau disiplin yang tertentu saperti murid2 mesti menghormati guru dan ibubapa, pelajar lelaki tidak boleh berambut panjang dan memakai selipar di-bilek2 kuliah tetapi akhlak yang di-maksudkan, ia-lah akhlak yang di-mulai dari mengenal diri sa-orang itu sabagai hamba Allah yang mengenal penchipta-nya.

"Ini-lah di-katakan mengenali kebenaran yang pertama yang akan menjadikan sa-seorang itu bersikap benar dalam segala tindakan dan perbuatan serta tingkah laku-nya. Ini-lah dia chorak yang di-perkenalkan oleh Al-Kor'an untok manusia, dan dari sini-lah penentuan nilai2 baik burok-nya mengenai dengan hubongan-nya dengan orang lain sa-chara individu atau kemasharakatan", ujar-nya.

Oleh itu, kita tentu tidak mampu untok memileh konsep yang gagal membentok peribadi manusia yang benar dan kita tentu tidak rela jenerasi kita akan datang menjadi jenerasi yang hidup tanpa pegangan dan meraba-raba dalam kegelapan.

Oleh sebab itu, tambah Dato Haji Ahmad, tidak ada alasan bagi kita menolak sistem akhlak Islam supaya di-laksanakan dalam pendidekan sekolah2 kita di-semua perengkat sama ada guru2, murid atau pelajar2.

## Mashuarat agong perwakilan PGGMB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat Agong Perwakilan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) kali yang ke-30 bagi tahun 1979/1980 akan di-adakan di-Dewan Bangunan Persekutuan itu pada hari Ahad 27hb April 1980 mulai jam 8.30 pagi.

Mashuarat tersebut di-jadualkan akan di-rasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Kemunchak dari achara pada pagi itu ia-lah penyampaian hadiah2 pelajaran terbaik kapada penuntut2 aliran Melayu dan Inggeris yang telah berjaya menchapai keputusan yang baik dalam pepereksaan menengah bawah dan atas di-negeri ini pada tahun lepas.

Hadiah2 itu ia-lah bagi dua orang penuntut dari Tingkatan III ia-itu bagi Pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei; dua orang penuntut dari Tingkatan V dalam pepereksaan Sijil Am Pelajaran Brunei perengkat biasa dan dua orang penuntut dari Tingkatan Enam yang terbaik dalam pepereksaan Sijil Am Pelajaran perengkat lanjutan.

## 12 orang hadhiri seminar

SINAUT. — Sa-ramai 12 orang Pegawai Pertanian dan guru2 dari Pusat Latehan Pertanian Sinaut telah menghadhiri satu Seminar Kaedah Mengajar mengenai dengan bidang pertanian yang telah di-adakan di-bilek kuliah pusat tersebut di-sini.

Seminar tersebut di-anjorkan dan di-kelolakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Sa-panjang seminar itu berjalan berbagai2 tajok telah di-binchangkan antara-nya termasok-lah kaedah2 mengajar, penggunaan bahan2 kimia dan kurikulum pentadbiran.

Seminar yang di-jadualkan berakhir pada hari ini, 23hb April, di-kendalikan oleh sa-orang pensharah dari Wolverhampton Politeknik, Awang John Lee.

## Tinggikan darjah imam dan bilal di-mata ramai

Dari muka 1

semata-mata memperbaiki diri sendiri supaya kerja dan kewajipan kita itu dapat berjalan dengan sempurna, terator dan tidak was2 serta tidak menjadi tanda tanya di-kalangan ma'mum" terang beliau sa-lanjut-nya.

Awang Haji Yahya menambah kata, bahawa pegawai2 masjid keturunan yang lalu sa-belum kita ini telah benar2 nampak hebat dan ketinggian mereka di-mata ramai, rasa hormat orang ramai terhadap mereka menjadi buah mulut dan kenang2an orang.

Mereka bukan sahaja menjadi pegawai2 masjid bahkan mereka mempunyai balai, menjadi guru Al-Kor'an, mengajar ilmu tarikat, berzikir, sifat dua puloh dan bahkan lebeh daripada itu mereka menjadi dukun 'menawari' sakit demam orang2 kampong.

"Saya rasa chontoh2 saperti ini patut juga menjadi tauladan bagi kita dan menjadi satu kenyataan yang patut menjadi bahan perhatian bagaimana keadaan mereka dahulu yang serba kekurangan kemudahan2 dan bagaimana kita yang penoh dengan kemudahan2 saperti pelajaran dan lain, tetapi kemudahan2 itu sa-olah2 tidak dapat memberikan apa2 yang sa-patut-nya," tambah Awang Haji Yahya.

Awang Haji Yahya juga berchap kapada imam2 dan bilal supaya akan dapat memperlengkapkan diri dalam kursus itu supaya keadaan mereka tetap lebeh daripada ma'mum dan dapat mempertinggikan darjah imam2 dan bilal2 di-mata ramai.

Kursus tersebut telah di-hadhiri oleh 13 orang pegawai2 masjid dan akan berjalan sa-lama sa-bulan.

Turut hadhir di-upachara itu termasok-lah Mufti Kerajaan Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz, Kadi Besar Brunei, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Hamid bin Bakal serta pegawai2 kanan dari Jabatan Hal Ehwal Ugama.



MENTERI Muda Kebajikan, Belia dan Sokan Sarawak, Y.B. Abang Haji Ahmad Urai (No. 2 dari kanan), yang mengetuai satu rombongan persatuan SABERKAS ketika tiba di-lapangan terbang antarabangsa Brunei pada malam Ahad lalu. Ketibaan rombongan itu telah di-sambut oleh Yang Dipertua MBB, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif (kanan) dan lain2 ahli2 jawatankuasa MBB.

Rombongan sa-ramai 105 orang itu mengadakan lawatan muhibbah sa-lama empat hari ka-sini. Mereka ada-lah menjadi tetamu kapada Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Sa-masa berada di-sini, rombongan tersebut telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan ahli2 persatuan2 belia di-sini, mengadakan lawatan ka-tempat2 yang menarek serta mengadakan perlawanan2 bola sepak dan badminton.

Pelawat2 dari Sarawak itu telah pulang ka-Kuching petang semalam.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.